AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 37 | RABU 12 SEPTEMBER, 1984. | رابو 16 ذوالحجة 1404 | PERCUMA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Menteri Negara bagi Angkatan Bersenjata British, YAB John Stanley (atas) dan bekas Perdana Menteri British, YAB Tuan Edward Heath. Berangkat sama ke Istiadat Mengadap itu ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

## Menteri British mengadap Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat John Stanley, Menteri Negara bagi Angkatan Bersenjata British pada petang Rabu lepas di Istana Nurul Iman.

Juga berangkat ke istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Berhormat John Stanley diiringi oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Awang Francis Cornish.

Beliau yang tiba di negara ini pada hari Selasa lalu dalam rangka lawatan selama tiga hari telah juga mengadakan lawatan ke Perkhemahan Batalion Gurkha di Seria; menemui pegawai-pegawai pinjaman British yang berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan melawat pasukan-pasukan Angkatan Bersenjata British yang sedang mengadakan latihan di negara ini.

Yang Amat Berhormat berlepas pulang pada hari Jumaat lepas. Tuan Yang Terutama Awang Francis Cornish, Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini telah berada di Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengucapkan 'selamat belayar' kepada beliau.

Yang Amat Berhormat John Stanley, 42 tahun telah dilantik menjadi Menteri Negara bagi Angkatan Bersenjata British pada 13 Jun tahun lalu.

Sebelum itu Yang Amat Berhormat memegang jawatan Menteri Perumahan dan Pembangunan di Jabatan Alam Sekitar.

## Hadiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Kesetiausahaan dan Jurutrengkas kini sedang diadakan di Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong. Kursus selama seminggu itu akan berakhir pada 17 September.

Seramai 26 orang Kerani Sulit dan Jurutrengkas dari beberapa buah jabatan Kerajaan menghadiri kursus tersebut.

Kursus tersebut dikendalikan oleh dua orang pegawai dari Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia — INTAN.

### MANISNYA IMAN

SIAPA yang diberikan sesat oleh Allah tiadalah orang yang akan memberinya petunjuk. Dan Allah membiarkan mereka dalam kesesatannya mengembara tak tentu arah. — Maksud ayat 186, Surah Al-A'raf.

## Lantikan S/T Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Pengarah Pelajaran

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan mulai dari 1 September, 1984.**

**Baginda juga seterusnya berkenan untuk melantik Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Pengarah Pelajaran mulai dari tarikh yang sama.**

## BEKAS PM BRITISH LAWAT BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap bekas Perdana Menteri British, Yang Amat Berhormat Tuan Edward Heath di Istana Nurul Iman pada hari Sabtu lepas.

Dalam Majlis Mengadap itu, Yang Amat Berhormat Tuan Edward Heath telah diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini Tuan Yang Terutama Awang Francis Cornish.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bokliah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Sejurus selepas ketibaanya pada petang Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat Tuan Edward Heath telah diraikan dengan satu majlis jamuan makan malam yang diberikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan bertempat di Mess Pegawai Polis Gadong dan dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dari beberapa kementerian serta para diplomat asing ke negara ini.

Sebelum berlepas pulang setelah mengadakan lawatan singkat sehari, bekas Perdana Menteri itu berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

## Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menetapkan 1 September 1984 sebagai tarikh mulanya berkuatkuasa bahagian-bahagian berikut dari Undang-Undang Perkapalan Pedagang, 1982.

Bahagian tersebut ialah Bahagian I Permulaan, Bahagian II, Pejabat Pendaftaran Brunei iaitu kewajipan untuk mendaftar kapal-kapal Brunei, Bahagian III, Juragan-Juragan dan Kelasi iaitu menempatkan kakitangan, dan Bahagian IV, Kawalan dan Meleseni Kapal-Kapal.

Tarikh tersebut juga bagi berkuatkuasanya Bahagian V, Keselamatan iaitu Pencegahan Pelanggaran, Bahagian X Syarat-Syarat Mengenai Pelanggaran-Pelanggaran dan Had, iaitu syarat-syarat mengenai pelanggaran-pelanggaran dan sebagainya.

Juga dikuatkuasakan ialah Bahagian XII, Langkah-Langkah Pembicaraan Di Sisi Undang-Undang iaitu pendakwaan terhadap kesalahan-kesalahan dan Bahagian XIII Tambahan bagi Kawalan Am Jabatan Laut.

Pelita Brunei

12 September, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGHARGAAN SERTA HARAPAN KEPADA MASYARAKAT TIONG HWA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada masyarakat Tiong Hwa di negara ini di atas kerjasama serta sumbangan yang mereka hulurkan kepada Kerajaan di dalam berbagai-bagai bidang kegiatan dan rancangan yang berkebajikan yang telah diungkayahkan sepanjang tahun. Baginda mensifatkan sumbangan mereka itu sebagai membuktikan akan wujudnya semangat perpaduan, persefahaman dan suasana harmoni di kalangan orang-orang Tiong Hwa di negara ini yang telahpun dijalin dengan eratnya sejak bertahun-tahun.

Sesungguhnya titah Baginda itu mengandungi perasaan sebenar yang sama dirasakan oleh rakyat dan penduduk. Keamanan dan ketenteraman yang dinikmati bersama oleh semua lapisan rakyat dan penduduk adalah sebahagiannya dimungkinkan oleh adanya persefahaman dan saling hormat menghormati di antara kita semua. Kerana itu adalah tepat Baginda selaku tampuk negara, teras dan teraju Kerajaan menitahkan supaya semangat serta suasana harmoni yang wujud selama ini akan terus dipupuk menjadi sebati dengan amalan hidup sehari-hari.

Kita menampak bahawa semangat serta suasana berkehidupan secara harmoni yang ditunjukkan oleh masyarakat Tiong Hwa selama ini tentu didorongkan oleh kesedaran terhadap kedudukan mereka dan hakikat kenegaraan kita yang unik. Maka sesuai dengan titah mengharapkan keharmonian yang ada akan terus dipupuk itu Baginda juga mengingatkan untuk sekian kalinya kepada masyarakat Tiong Hwa dan masyarakat keturunan lain khususnya generasi muda mereka supaya akan terus berusaha pada menyesuaikan diri masing-masing dengan keperluan-keperluan dan aspirasi Negara Brunei Darussalam dalam berbagai-bagai bidang kehidupan selaras dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam yang dengan izin Allah, insya-Allah akan untuk selama-lamanya kekal menjadi Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik.

Dalam perkara menyesuaikan diri ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa-masa yang lalu telah pernah menitahkan akan kepentingan masyarakat Tiong Hwa dan masyarakat keturunan lain berusaha ke arah itu bukan sahaja semata-mata untuk tujuan memperolehi taraf kerakyatan bahkan juga untuk mereka tidak dicurigai oleh rakyat asal. Kita percaya titah dan ingatan Baginda sedemikian itu telah disambut dengan sebaik-baiknya oleh masyarakat Tiong Hwa khasnya. Mereka telah mengusahakan beberapa langkah ke arah itu termasuk di antaranya mengkempenkan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan mereka dan penyertaan aktif dalam bidang kegiatan serta rancangan Kerajaan yang bercorak kemasyarakatan, dan langkah ke arah kerjasama yang erat dengan rakan-rakan Melayu mereka dalam bidang ekonomi menerusi penubuhan Dewan Perniagaan Kebangsaan negara ini. Kesemua ini dan usaha-usaha yang lain yang telah dan akan mereka lakukan di masa-masa yang akan datang jika dirancang dan dilaksanakan dengan ikhlas, bagi tujuan-tujuan yang berkebajikan, selaras dengan keazaman kita untuk mengekalkan hakikat Negara Brunei Darussalam iaitu Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik ; maka tidak syak lagi akan menolong meyakinkan rakyat asal negara ini untuk tidak mencurigai mereka dan seterusnya dapat menerima mereka ke dalam masyarakat besar Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu kepada masyarakat Tiong Hwa dan khasnya kepada pemimpin-pemimpin mereka kita turut menaruh harapan akan kesungguhan mereka bergerak ke arah memenuhi hasrat dan ingatan yang terkandung di dalam titah Baginda mengenai kepentingan mereka menyesuaikan diri dengan iklim sosio-politik negara ini. Mereka hendaknya memahami baik akan keazaman negara di mana dalam sebarang usaha yang mereka ambil mereka akan memberi keutamaan kepada langkah-langkah menyesuaikan diri dengan keperluan-keperluan dan aspirasi negara dalam berbagai-bagai bidang. Persoalan taraf kerakyatan bagi sebahagian daripada masyarakat Tiong Hwa yang belum menjadi rakyat tidaklah sepatutnya menjadi 'gelorat' seandainya intisari dan falsafah Undang-Undang Taraf Kebangsaan Negara ini difahami dengan baik. Kerana itu tempoh yang dipersyaratkan oleh Undang-Undang dan juga proses pemberian taraf kerakyatan menurut Undang-Undang adalah sebahagian besarnya bertujuan untuk mempastikan bahawa mana-mana orang yang akan menjadi rakyat menerusi proses itu adalah terdiri daripada mereka yang dapat menyesuaikan diri dengan iklim sosiopolitik setempat dan dengan keperluan-keperluan serta aspirasi negara.

Adalah dipercayai dengan niat mereka yang ikhlas serta dengan usaha mereka yang jujur, masyarakat Tiong Hwa dan pemimpin-pemimpin mereka akan terus menerus menyambut saranan dan ingatan akan kepentingan menyesuaikan diri itu. Apatah lagi jika saranan dan ingatan tersebut dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan sendirinya titah Baginda itu menjadi hasrat negara.

# "MENYINTAI KEPUNYAAN BERSAMA" PERLU DITANAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perasaan 'mencintai kepunyaan bersama' perlu ditanam dan dipertingkatkan di kalangan penuntut-penuntu melalui mata pelajaran sivik.

Mereka harus diberi kesedaran bahawa setiap kemudahan yang ada di negara ini adalah termasuk untuk manfaat mereka sendiri di samping generasi akan datang yang juga ada kaitannya dengan diri mereka.

"Sesuatu kemudahan itu bukanlah hanya untuk sehari dua bahkan mereka akan mendapat faedahnya untuk jangka panjang."

Ini telah dinyatakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Jawatankuasa Sekolah bagi Sekolah Menengah Sungai Kebun kali yang kedua pada hari Jumaat lepas di Perpustakaan sekolah tersebut.

"Kita harus menanamkan perasaan berpunya kepada sesuatu dan turut berbangga apakala ia sentiasa megah dalam keindahannya," kata beliau.

Golongan pelajar dan muda-mudi, tegas Awang Haji Mohammad merupakan sasaran awal peresapan tingkah laku yang tidak diingini kesan dari perkembangan dan kemajuan dunia hari ini yang antara lain melahirkan anggota masyarakat yang menjadi 'Si Pugut', 'Si Pandan' dan disiplin yang berkurangan.

Menyentuh dengan Jawatankuasa Sekolah yang terdapat di sekolah-sekolah dan maktab-maktab, beliau berpendapat memang kena pada tempatnya jawatankuasa turut memainkan peranan membantu memikirkan dalam meninggikan mutu akademik pembelajaran penuntut-penuntut.

"Saya menjangka melalui daya usaha Jawatankuasa Sekolah akan memungkinkan peningkatan disiplin alam persekolahan di samping menjangkau keadaan persekitaran demi keselesaan dan kebajikan alam sesebuah sekolah itu sendiri," katanya lagi.

"Kita menyedari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan perhatian yang amat berat kepada bidang pelajaran dan bersedia berbelanja besar-besaran untuk membentuk rakyat yang berpengetahuan. Rakyat yang berpengetahuan adalah modal besar negara dalam meneruskan kemajuan dan pembangunan dan pelajar hari ini adalah diharapkan akan menjadi pemimpin masa hadapan," tegas beliau.

Majlis pada petang itu telah dimulakan dengan ucapan Pengerusi Jawatankuasa Sekolah bagi Tahun 1983/1984, Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair.

Pengetua Sekolah Menengah Sungai Kebun telah juga memberikan ucapan.

Jawatankuasa Sekolah 1984/1985 yang baru dilantik terdiri daripada :

Pengerusi: Pengetua Sekolah Menengah Sungai Kebun; Timbalan Pengerusi: Pengiran Haji Halus bin Pengiran Haji Kadar; Setiausaha: Awang Marsidi bin Haji Akip; Penolong Setiausaha: Awang Lois bin Md. Noor; Bendahari: Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Sungai Kebun; Timbalan Bendahari: Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair; Jurukira: Cikgu Ramlee bin Haji Bakir dan Awang Haji Othman bin Pengarah Haji Untong.

Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa pula terdiri dari Awang Haji Masri bin Rauf; Awang Mohammad bin Abd. Halim; Awang Haji Ismail bin Jaafar; Awang Haji Kamis bin OKK Haji Tahir dan Awang Haji Metali bin Md. Yassin.

# D.Y.M.M. RAIKAN ANAK-ANAK YATIM

MUARA. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat lepas telah berkenan meraikan 400 orang Anak-Anak Yatim dan Orang-Orang Cacat Daerah Brunei dan Muara di Istana Darul Aman di sini.

Sebelum junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, doa selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Setia Ali, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Mohammad.

Rombongan itu telah ditemani oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.



SEBAHAGIAN dari anak-anak yatim junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (atas) sementara gambar bawah kelihatan anak-anak yatim ketika menikmati jamuan.



## Nama jabatan diubah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa nama "Jabatan Perpindahan" adalah diganti dengan nama "Jabatan Kemajuan Perumahan" dan nama "Pengarah Perpindahan" ditukar kepada nama "Pengarah Kemajuan Perumahan" mulai dari 4 Ogos 1984.

## Pemilihan Penghulu Mukim Sg. Liang

KUALA BELAIT. — Pejabat Daerah Belait memaklumkan kepada penduduk-penduduk di kawasan Mukim Liang yang meliputi dari Kampong Sungai Tali hingga ke Kampong Tunggulian bahawa satu pemilihan calon Penghulu Mukim Liang akan diadakan di Balai Raya Sungai Liang pada 4 Oktober 1984 bermula jam 10.00 pagi.

Oleh itu penduduk-penduduk kampung yang tinggal dalam kawasan tersebut dan berumur 21 tahun ke atas adalah diminta hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan sementara itu borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi di Pejabat Daerah Belait pada masa pejabat dibuka.

Pejabat itu juga memaklumkan bahawa calon-calon hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 65 tahun, hendaklah sudah bermastautin dalam kawasan Mukim Liang, tidak memegang jawatan lain yang tetap ataupun sementara dengan Kerajaan ataupun dengan sebarang syarikat perniagaan dan tidak menjadi ahli dalam sebarang badan siasah.

Pejabat itu juga mengingatkan bahawa calon untuk mengisi jawatan Penghulu hendaklah dipilih dari kalangan ketua-ketua kampung yang ada atau dari kalangan orang-orang yang berkelayakan untuk menjadi Penghulu dan mempunyai pengetahuan tentang peraturan-peraturan serta adat resam yang dibuat atau diamalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



PENGERUSI Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Awang Lim Eng Ming menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang dalam peraduan tersebut.

## Perlawanan badminton BISTARI berakhir

BERAKAS. — Perlawanan Badminton Piala Datin Edah anjuran BISTARI, telah berlangsung akhir bulan lepas dengan pasangan Pengiran Datin Siti Zubaidah bte Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin dan Dayang Gayah Kamariah bte Haji Shafie menjadi juara.

Naib johan ialah pasangan Dayang Hajjah Aminah bte Ibrahim dan Dayang Rosnah bte Haji Ahmad, manakala menduduki tempat ketiga ialah pasangan Pengiran Fatimawati bte Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abd. Momin dan Pengiran Normah bte Pengiran Daud.

Perlawanan tersebut yang berlangsung di Gimnasium Berakas Garison di sini telah disertai oleh 16 pasangan bahagian bergu. Ianya bertujuan memberi peluang kepada ahli-ahli BISTARI yang telah mula bergiat dalam permainan ini sejak tahun 1983, menunjukkan kebolehan masing-masing di samping memupuk tali persahabatan yang lebih erat antara ahli yang bekerja dengan yang tidak bekerja.

Hadiah kepada pemenang-pemenang perlawanan telah disampaikan oleh Yang Dipertua BISTARI, Datin Edah bte Haji Mohd. Noor.



Pasangan Pg Datin Siti Zubaidah dan Dayang Gayah menerima Piala Rebutan dari Datin Edah.

## Kadet S.O.A.S. juara kawat

BOLKIAH KEM. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, telah muncul sebagai juara dalam perlawanan peringkat akhir kawat senegara di antara Platun Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diadakan pada pagi Jumaat lepas bertempat di Padang Kawat 'A' Perkhemahan Bolkiah.

Maktab S.O.A.S. yang disertai oleh 24 orang anggota kadet diketuai oleh Lt. Muda Pg. Jaludin bin Pg. Haji Othman dengan meraih 203.9 mata telah menerima hadiah kemenangan mereka yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Pusat Latihan ABDB, Y.D.M. Pehin Dato Perkasa Lt. Kolonel Ishak bin Haji Abd Hamid.

Tempat kedua ialah Platun Kadet Sekolah Inggeris Berakas, Jalan Muara, dengan 191.7 mata, ketiga Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong, 189.2 mata dan tempat keempat Maktab Anthony Abell Seria 185.1 mata. Pemilihan awal perlawanan kawat di antara sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang mewakili setiap daerah telah diadakan sejak bulan Julai tahun ini.



PASUKAN Brunei Kadet, Maktab S.O.A.S. menjadi juara Perlawanan Akhir Kawad senegara yang diketuai oleh Leftenan Muda Pengiran Jaludin bin Pengiran Haji Othman bergambar ramai dengan perisai kemenangan mereka.

## Pindah ke Bahagian Pembaikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan memaklumkan bahawa Bahagian Pengangkutan Laut jabatan itu kini telah berpindah dari Dermaga Kastam di ibu negara ke kawasan di bahagian pembaikan (Maintenance Area) Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah menghubungi bahagian itu melalui telefon 29494 sambungan 607 atau nombor 27599.

# Penyampaian hadiah Peraduan Menulis anjuran EBU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Cerita Kanak-Kanak anjuran European Broadcasting Union (EBU) kelolaan Perkhidmatan Radio Televisyen Brunei dan Bahagian TV Pendidikan Jabatan Pelajaran Brunei telah berlangsung pada pagi Sabtu, 1 September lepas di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei di sini.

Penyampaian hadiah itu telah disempurnakan oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam, Awang Lim Eng Ming.

Peraduan itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian 'A' (yang berumur antara 7 hingga 9 tahun); dan Bahagian 'B' (yang berumur antara 10 hingga 12 tahun). yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam; dan penduduk tetap. Bahasa penulisan pula dibahagikan kepada tiga iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan China.



PMK. Pengarah RTB, Pg Badaruddin juga berucap di majlis tersebut.

Pemenang-pemenang dalam Bahagian 'A' terdiri daripada Sheryll Sundai, Sekolah St. Angela's Convent, Seria; Mohd Zefri bin Besar, Sekolah Melayu Sengkurong; Maryantie binte Omar, Sekolah Persediaan Inggeris Kuala Belait; Dayang Mayfaezah binte Ahmad Ariffin, Sekolah Melayu Pusar Ulak; dan Awang Kok Boon Chu, Sekolah Menengah Tiong Hwa, Bandar Seri Begawan.

Manakala bahagian 'B' pula terdiri daripada Suraini binte Julaihi, Sekolah Persediaan Inggeris Kuala Belait; Sia Fwu Shii, Sekolah Chung Hwa, Tutong; Rosnani binte Muhammad, Sekolah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tutong Kem; Han Khim Siew, Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei dan Goh Sia Sze, Sekolah Melayu Abd Rashid, Tanjung Maya, Tutong.

Majlis itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Peraduan Menulis Cerita Kanak-Kanak anjuran EBU, Haji Ramlee bin Haji Mohd Said.

Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani juga menyampaikan ucapan.

Cerita yang ditulis untuk peraduan ini berdasarkan kesan bunyi (sound effect) yang dibekalkan oleh EBU. Dari pendengaran kesan bunyi tersebut mereka menulis berbagai-bagai cerita yang mereka khayalkan dengan panjangnya antara 150 hingga 600 perkataan.

Pihak Jawatankuasa telah menerima 108 penyertaan untuk peraduan ini.

Di majlis itu juga tiga orang dari peserta yang berjaya, telah menyampaikan cerita-cerita mereka yang masing-masing dalam bahasa Melayu; Inggeris dan China.



AWG. Zulkifli Bidin



AWG. Lamit Omar



AWG. Mohd Salleh

## Anggota Bomba, Kerani Pos berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai sepuluh orang anggota Jabatan Pasukan Bomba negara ini akan mengikuti Kursus Menyelamat selama empat minggu di Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba di Kuala Kubu, Malaysia awal bulan depan.

Mereka ialah Penolong-Penolong Pegawai Balai, Pengiran Rosli bin Pengiran Ahmad dan Awang Panjang bin Haji Sabtu, serta lapan orang ahli Bomba, Julani bin Sapian, Suhaimi bin Muhammad, Abd. Rahman bin Taha, Metassan bin Yussof, Sehia bin Liman, Abdullah bin Haji Kassim, Abu Jani bin Ura dan Mahari bin Haji Bakar. Mereka akan meninggalkan negara ini pada 28 September ini.

Sementara itu tiga orang kerani Jabatan Perkhidmatan Pos kini sedang menghadiri Kursus Kerani Mel di Institut Latihan Pos, Kuala Lumpur selama dua minggu dan kemudiannya akan diikuti dengan kursus penempatan di Pejabat-Pejabat Pos di sana.

Mereka yang menghadiri kursus tersebut ialah Awang Mohd. Salleh bin Haji Omar, Awang Zulkifli bin Bidin dan Awang Lamit bin Omar. Kursus akan berakhir pada 6 Oktober depan.

## DIDENDA $1,000.00

KUALA BELAIT. — Tuanpunya sebuah kedai di Kuala Belait telah didenda sebanyak $1,000 atau 3 bulan penjara kerana tidak membubuh tanda harga pada barang-barang jualannya.

Mahkamah Majistret Kuala Belait mendenda Teo Hiang Hng Supermarket 45, Jalan Pretty Kuala Belait pada 25 Ogos 1984 setelah satu penyiasatan dibuat oleh beberapa orang Pegawai dari Kawalan Harga, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Kementerian Kewangan dan Pegawai-pegawai dari Lembaga Bandaran Kuala Belait pada 24 Julai 1984.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-243



# TIADA LARANGAN ZIKIR BAGI WANITA YANG AKAN BERSALIN

PERBUATAN orang menegah akan perempuan yang hampir bersalin itu dari mengucap dan menyebutkan "ALLAH" adalah salah dan tiada kena pada tempatnya, orang itu lalai dari budibicara manusia ketika mereka di dalam kesusahan dan kesempitan, mereka mengadu dan minta bantuan daripada Tuhan mereka, orang Islam mengadu kepada Allah Taala, orang Kristian mengikut kepercayaan mereka dan orang Buddha dan Majusi mengikut fahaman mereka. Manusia itu tiada lalai dari Tuhan yang disembah itu, orang itu lalai dari suasana yang ada di keliling mereka, didapati padri-padri datang ke hospital pergi kepada orang-orang sakit memberi nasihat kepada mereka supaya mereka bertenang dan bersabar di atas penderitaan yang mengenai mereka.

Saya membaca: "Bahawa orang-orang Russia dan Komunis yang diasuh dan dididik oleh Lenin dan Stalin supaya membuang ugama dan menghinakan ugama, dan tiada mengaku ada Tuhan dan membuang segala nilai-nilai akhlak manusia dan mengatakan manusia itu hanya ada dengan badannya yang kasar itu boleh mengubah nasibnya dan boleh berjuang hidupnya di dunia ini, maka orang-orang Russia tiada mengenal Tuhan itu bila dapat kecemasan di dalam penerbangan di angkasa lepas, maka mereka menjerit mengadu minta daripada Tuhan yang disembah oleh datok nenek yang dahulu.

Ini dia kisah manusia yang bodoh dan bongkak itu dan telah disebutkan dalam Al-Quran Firman Allah Taala tafsirannya:

"Adakah kamu berpaling setelah kamu mengikut janji setia dengan Nabi-Nabi kamu, apabila datang Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, maka kamu mestilah percaya kepadanya dan membantu dan tolong akannya, kemudian kamu mencari ugama lain yang lain dari ugama Allah, padahal siapa yang ada di langit dan di bumi mesti tunduk kepada Allah Taala sama ada dengan suka hatinya atau dengan paksa maka mereka tiadalah dapat lari dari keluar dari qada Allah dan hukum Allah Taala dan mereka mesti akan kembali kepada Allah Taala pada hari kiamat kelak,".

WALLAHUAKLAM.



SEORANG pemuda Iban, Luta Anak Emat telah memeluk Ugama Islam pada 3 Ogos lepas di satu majlis pengislaman yang dilangsungkan di No 32 Kampong Saba Darat 'A' di Bandar Seri Begawan.

Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Mulia Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam (atas).

Awang Luta yang berasal dari Sibu kini dikenali sebagai Awang Mohd Zulfadhli bin Abdullah.

Sementara itu pada 5 Ogos telah juga berlangsung majlis yang serupa bagi Awang Jumat bin Ayum di No 1 Kampong Kebia, Tutong.

Pengislaman beliau telah disempurnakan di hadapan Imam Masjid Birau, Awang Haji Abd Rahman bin Haji Serudin (bawah).

Awang Jumat yang berusia 23 tahun itu telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Jumat bin Abdullah.

Majlis pengislaman itu telah juga diserikan dengan Zikir Marhaban dan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai ugama dari Pejabat Ugama Tutong.



# P.T.E. JUARA BAHAS ANJURAN ASTERAWANI

GADONG. — Pasukan Pusat Tingkatan Enam yang terdiri dari Dayang Zaiton Abu Salim, Awang Madahan Taha dan Awang Zolzy Sahar Al-Johary telah berjaya menjuarai Peraduan Bahas yang dianjurkan oleh Persatuan ASTERAWANI (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani) yang berlangsung pada malam Sabtu lepas.

Mereka menewaskan pasukan Persatuan Kebajikan Perempuan Kuala Belait yang bertindak selaku pencadang dalam tajuk perbahasan 'Sasterawan Lebih Berpengaruh Daripada Saintis'.

Pasukan Persatuan Kebajikan Perempuan Kuala Belait terdiri daripada Dayang Kartini Haji Abu Hanafiah, Dayang Florinda Menjenis dan Dayang Jasnani Janai.

'Pemidato Terbaik' dalam perbahasan itu telah diraih oleh dayang Zaiton Abu Salim.

Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh tetamu kehormat Yang Berbahagia Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pemangku Pengarah Radio dan Televisyen.

Majlis pada malam itu telah juga diserikan dengan persembahan deklamasi sajak oleh ahli-ahli ASTERAWANI.

Peraduan Bahas ini telah bermula pada 10 Ogos lepas dengan disertai oleh kira-kira 16 buah pasukan dari sekolah-sekolah, maktab-maktab dan persatuan-persatuan belia dan berkisar kepada 15 buah tajuk perbahasan.

Hadiah rebutan adalah merupakan sumbangan dari Awang Haji Ahamd bin Husain, Ketua II ASTERAWANI dan sebagai salah seorang pengasas persatuan ASTERAWANI.



## Pegawai Bomba berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai bomba kini berada di Semenanjung Malaysia untuk menjalani Kursus Mencegah Kebakaran di Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba, Kuala Kubu, Malaysia.

Mereka ialah Penolong Pegawai Balai, Awang Lamat bin Mohd Daud, Penolong Pegawai Balai, Awang Hanafi bin Haji Zulkifli, Penolong Pegawai Balai, Awang Bujang bin Aliamat dan Penolong Pegawai Balai Awang Yahya bin Metussin.

Mereka akan menjalani kursus itu selama enam minggu bermula 27 Ogos yang lalu.

## Seorang lagi jemaah haji meninggal dunia



BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi jemaah haji Brunei meninggal dunia. Beliau ialah Allahyarham Haji Saideh @ Saidin bin Nasir, 55 tahun meninggal dunia di Mina pada 6 September lepas.

Allahyarham berasal dari Kampong Panchor Dulit Tutong.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12 September, 1984 hingga ke hari Selasa 18 September, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 12–15 | 12.22 | 3.37 | 3.38 | 6.25 | 6.26 | 7.38 | 7.39 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.10 | 6.11 |
| 16–18 | 12.21 | 3.36 | 3.37 | 6.24 | 6.25 | 7.37 | 7.38 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# MENGAPA ORANG YANG TERPELAJAR TERLIBAT DENGAN DADAH




**MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah, dengan sebenar-benar takwa melalui amal salih dan ibadat yang ikhlas, yang lurus menurut hukum syarak serta sihat dan betul dalam akidah. Demikian juga alamat takwa itu ialah menghindari segala yang salah, yang tidak disuruh, bahkan yang dilarang oleh Allah. Hanya dengan cara ini kita umat Islam boleh selamat di dunia dan di akhirat.**

Baru-baru ini dalam majlis Persantapan yang disembahkan oleh Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di antara lain telah menyentuh dalam titah Baginda tentang beberapa perkara yang mungkin mempengaruhi penuntut-penuntut seperti soal dadah dan ajaran-ajaran agama yang bukan menurut Ahlussunnah wal-jemaah.

Tentang perkara dadah ini, semua orang telah faham bahayanya. Sepatutnya orang-orang yang terpelajar lebih lagi dapat memahaminya.

Orang-orang terpelajar, pemikiran mereka jauh, tidak sempit. Maka sepatutnya mudarat dan bahaya seperti dadah itu telah mereka fahami dan ketahui dengan mendalam. Tetapi mengapa masih ada juga persoalan dadah bagi mereka? Padahal mereka tahu dadah itu musuh masyarakat, musuh kehidupan. Bukankah pada kenyataannya penagih-penagih dadah itu terdedah kepada bahaya, bahkan kepada maut? Mengapa ditempuh juga bahaya itu? Mengapa?

Penyakit dadah sekarang, boleh dikatakan sebagai penyakit antarabangsa yang menular. Kerana dadah, kerana penyalahgunaan dadah, orang jadi celaka, jadi merana dan bahkan tidak kurang juga membawa maut. Masyarakat yang aman boleh porak peranda kerana dadah. Masyarakat yang senonoh dan berdisiplin boleh jadi larap kerana dadah. Pendeknya dadah menjadi punca bahaya dan penderitaan manusia sekarang. Maka kerana itulah, kita tidak hairan kalau ada setengah negara di dunia ini yang mengenakan hukuman paling berat ke atas penyalahguna-penyalahguna dadah sama ada yang menagih, mengedar, menyimpan dan lain-lain lagi. Ada negara yang sampai menghukum mati mereka itu jika sabit melakukan kesalahan di atas.

Walaupun titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu bersabit dengan keadaan yang mungkin berlaku di kalangan penuntut-penuntut kita di United Kingdom, tetapi adalah tidak kurang mustahaknya penuntut-penuntut di dalam, yang bukan berada di luar negara turut mengambil iktibar dan perhatian yang sama terhadap titah ini, kerana kita mendapat faham, bahawa di dalam negara ini, pun sekarang sudah terdapat bibit-bibit penyakit tersebut. Bukan sahaja para pelajar dan penuntut, bahkan juga masyarakat pada umumnya, hendaklah mengambil tanggungjawab yang serupa, berhati-hati dan berjaga-jaga dan juga mustahak memberikan kerjasama yang berkesan kepada pihak-pihak berwajib yang berkenaan dalam membentras dan membendung pengaruh dan kegiatan-kegiatan dadah ini. Supaya dengan itu, selamatlah negara ini daripada kecelakaan dan bala yang diakibatkan oleh dadah dan penagih-penagih dadah.

**Orang-orang terpelajar, pemikiran mereka jauh, tidak sempit. Maka sepatutnya mudarat dan bahaya seperti dadah itu telah mereka fahami dan ketahui dengan mendalam. Tetapi mengapa masih ada juga persoalan dadah bagi mereka? Padahal mereka tahu dadah itu musuh masyarakat, musuh kehidupan. Bukankah pada kenyataannya penagih-penagih dadah itu terdedah kepada bahaya, bahkan kepada maut? Mengapa ditempuh juga bahaya itu? Mengapa?**

Menyentuh juga soal akidah dan ajaran ugama, Negara Brunei dari dahulu sudah bisai dan amat majalis cara hidup yang diamalkannya. Negara Brunei sangat terbilang dengan akidah ahli sunnahnya yang menjadi anutan dan amalan orang-orang Islam di sini. Sepanjang sejarah berugama, Negara Brunei tidak pernah mengalami kekusutan dan masalah yang tidak baik. Semuanya berjalan dengan teratur dan sempurna.

**Kerana itu, setiap individu Muslim yang sempurna patutlah merasa bimbang dan susah hati jika kedengaran risikan dan apatah lagi jika nampak di mata ada orang Brunei yang cuba-cuba lari dari pegangan sekarang, kerana pengalaman telah cukup mengajar, bahawa siapa sahaja yang lari dari aqidah Ahlussunnah wal jemaah tidak pernah gemilang dan menguntungkan dirinya, apatah lagi orang lain.**

Kerana itu, setiap individu Muslim yang sempurna patutlah merasa bimbang dan susah hati jika kedengaran risikan dan apatah lagi jika nampak di mata ada orang Brunei yang cuba-cuba lari dari pegangan sekarang, kerana pengalaman telah cukup mengajar, bahawa siapa sahaja yang lari dari akidah Ahlussunnah wal-jemaah tidak pernah gemilang dan menguntungkan dirinya, apatah lagi orang lain. Mereka itu sebenarnya ditarik oleh suatu pengaruh atau beberapa pengaruh yang tidak sihat. Mereka merasakan merekalah yang betul. Mereka suka keluar dari ikatan mazhab. Kalau dahulu orang-orang begini dipanggil kaum muda. Sebenarnya mereka itu ingin jadi mujaddid (pembaharu), kaum radikal dalam hukum. Kadang-kadang mereka ini terdiri dari orang-orang cerdik pandai juga. Kalau tidak masakan mereka dapat berhujah sehingga mengeruhkan keadaan masyarakat. Berkata Allahyarham Al-Alamat Datuk Syed Alwi bin Tahir Al-Hadad dalam kumpulan fatwanya jilid pertama, antara lain:

"Setengah daripada alamat mereka itu: Mereka marahkan Imam-Imam Mazhab yang empat dan ulama-ulama fiqeh. Mereka mengaku mengetahui Quran dan Hadis Nabawi. Mereka membangkang ijma, menyiarkan masalah khilap di antara umat Islam, supaya menambah porak peranda umat Islam sebagaimana yang disukai oleh seteru-seteru Islam. Apabila mereka melihat orang-orang Islam tiada menyentuh Quran melainkan dengan air sembahyang, mereka berkata: Harus menyentuh Quran dengan tiada air sembahyang. Apabila mereka melihat orang-orang Islam tiada membaca Quran melainkan setelah bersuci daripada najis seperti arak dan babi, mereka berkata: Kedua-dua benda ini suci. Mereka mencita-cita supaya orang-orang Islam jadi seperti orang Majusi, mereka berlumur dengan lemak babi dan mencurahkan arak kepada bajunya, kemudian sembahyang.

Demikian antara lain gambaran yang diterangkan oleh Allahyarham Al-Alamat bekas mufti Kerajaan Johor itu, mengenai dengan sikap dan fahaman setengah orang-orang yang lari dari akidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah dan menolak ajaran Imam-Imam Mazhab yang empat. Cubalah kita bayangkan jika ini terjadi di dalam masyarakat Brunei yang stabil dan senonoh ini? Kerana itulah, kita sangat-sangat mengesali sekiranya benar hal ini berlaku ke atas anak-anak kita. Walau bagaimanapun, kita masih berharap dan percaya bahawa anak-anak kita di mana-mana juga mereka berada, mestilah ingat mereka adalah anak-anak Brunei yang bersopan santun, yang mempunyai raja sebagai ketua ugama dan negara, dengan titah Baginda menyentuh perihal perkembangan yang berlaku di sekitar mereka itu tentunya akan menjadi ubat dan penawar kepada mereka, insya-Allah.

# HIDUP TANPA IHSAN: IBARAT PATUNG TIADA BERNYAWA

*Menuju keredaan Allah*

Untuk Mencapai taraf kemanusiaan yang sempurna, maka di samping menjadi seorang Muslim yang setia dan seorang Mukmin yang benar-benar percaya, ada satu syarat kesempurnaan yang tidak kurang pentingnya dikehendaki oleh Ugama Islam iaitu bersifat "Ihsan."

Ihsan dalam pengertiannya ialah berbuat kebajikan iaitu cara mengerjakan sesuatu, taat dengan sebaik-baiknya dan lengkap segala pertuturannya serta dengan ikhlas kepada Allah Subhanahu Wataala. Ia juga merupakan kesucian daripada syirik dan sikap munafik serta perasaan ria dan sebagainya. Sifat inilah sebenarnya yang mendorong seseorang itu berbuat jasa dan pengorbanan yang kadang-kadang mengorbankan hak diri sendiri demi kepentingan kerabat, masyarakat, bangsa, tanahair serta ugama.

Yang demikian, hakikat Ihsan itu adalah menjadi salah satu daripada rukun-rukun ugama selain daripada rukun-rukun Iman dan rukun-rukun Islam. Oleh kerana itu ketiadaan Ihsan dalam jiwa setiap orang maka kedua-dua unsur yang lain itu tidak akan berfaedah oleh sebab yang dikerjakan dengan ketiadaan Ihsan adalah ibarat patung yang tiada bernyawa.

Adapun Ihsan atau kebajikan itu menurut ukuran ilmu jiwa ialah perasaan cinta manusia kepada sesama manusia yang diiringi dengan keikhlasan dan sudi menolong. Ia adalah merupakan tali perhubungan antara satu sama lain yang bertindak sebagai alat untuk memperteguhkan sesebuah masyarakat. Tetapi jika setiap manusia hanya sanggup menerima pengorbanan orang lain untuk kepentingannya sendiri, sedang ianya tidak rela berkorban untuk orang ramai maka akan robohlah kehidupan masyarakat itu.

**Ihsan**

Dari sudut sejarah kemanusiaan, bahawa seluruh manusia itu adalah dari satu keturunan, oleh sebab itu semua manusia adalah bersaudara belaka. Maka pada konsep persaudaraan itu telah ditekankan bersungguh-sungguh di dalam Ugama Islam lebih-lebih lagi untuk seluruh Umat Islam sebagaimana Firman Allah yang bermaksud: "Bahawa seluruh Umat Islam itu bersaudara."

Yang demikian patutlah kesetiaan, ikhlas membela, percaya mempercayai dan mengambil berat tentang kemaslihatan bersama lahir dan batin. Di samping itu pula pada mereka harus sama dalam satu tujuan iaitu menyingkirkan sesuatu yang merugikan.

Pada permulaan perkembangan Islam di Tanah Arab, terdapat satu contoh yang baik untuk dijadikan pedoman iaitu bagaimana eratnya persaudaraan orang-orang Muhajirin dan orang-orang Ansar di Madinah. Orang-orang Ansar di Madinah telah sudi berkorban menyerahkan separuh kekayaan mereka kepada sahabat-sahabat mereka yang baru datang itu, sehingga orang-orang Muhajirin dapat hidup tenteram di tempat yang baharu itu dengan tiada lupa akan pengorbanan yang diberikan kepada mereka.

Bercakap tentang kebajikan ini mungkin banyak orang yang mahu membuatnya, tetapi akan jemulah seseorang itu berbuat kebajikan terhadap seseorang kalaulah dia hanya suka menerima tetapi tidak suka memberi.... Katakan seseorang itu telah memberi pertolongan yang besar kepada seorang kawan yang mendapat susah. Maka pada hari yang lain pula, telah ditakdirkan orang yang menolong tadi mendapat bencana. Tetapi bencana yang menimpa ke atasnya itu hanya dirasa seorang diri tanpa mendapat perhatian dari orang lain, termasuk orang yang pernah ditolongnya tadi.

Orang ini mungkin akan berkata di dalam hatinya: "Apalah gunanya aku berbakti kepada orang, sedangkan di waktu aku susah orang lain akan memejamkan mata terhadap ku......" Kalaulah demikian jadinya, sia-sialah budi baik orang itu dan akan jemulah ia berbuat kebajikan.

Maka dalam soal ini, yang penting ialah keadilan dan timbang terima antara sesama manusia. Oleh yang demikian mustahaklah kita menjauhi perangai yang hanya memandang periuk sendiri sedangkan membiarkan orang lain mati tak makan. Dan Kalaulah serupa ini perangai seseorang itu, maka tidaklah ia bersifat Ihsan dan sia-sialah ia menjadi seorang Mukmin dan Muslim atau manusia yang sempurna hidupnya.

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

## Khutbah pertama

# MANA LEBIH HEBAT MELAWAN MUSUH ATAU HAWA NAFSU

DI SAAT-SAAT yang berkat kita menyambut Hari Raya Adha pada kali ini, marilah kita meresapkan erti Adha itu yang sebenarnya? Yaumul Adha ertinya Hari Raya Adha, atau Hari Raya Haji, atau disebut juga Hari Raya Korban. Berasal dari perkataan adha ertinya keluar ke tengah lapangan atau gelanggang. Dahiyatun atau Udhiyatun ertinya sembelihan Hari Raya Haji, korban dan pengorbanan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Jadi Hari Raya Adha yang berlaku setahun sekali itu adalah jelas dimaksudkan sebagai peringatan kepada umat Islam, bahawa konsep berkorban, atau konsep jihad itu penting dan tidak boleh hapus dalam kamus umat Islam. Sebab itulah, Hari Raya Adha itu disyariatkan oleh Allah tiap-tiap tahun mesti disambut dan diraikan terus menerus hingga hari kiamat, iaitu supaya umat Islam sedar dan ingat tidak akan pernah lupa, bahawa konsep korban dan pengorbanan itu penting bagi umat Islam, penting diamalkan dalam hidup untuk menjamin kebesaran dan kemuliaan umat Islam sendiri di dunia maupun di akhirat. Kerana itulah terlalu banyak ayat Quran menyebutkan perkara jihad atau pengorbanan ini sebagai perintah, supaya umat Islam tidak lalai, tidak berpaling dari meneruskan konsep ini, mereka akan lemah dan hina, tidak mempunyai kehormatan lagi. Di antara lain ayat-ayat yang memberi peringatan itu, Firman Allah Taala yang tafsirnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, berbakti dan bertakwalah kamu kepada Allah, carilah jalan menuju kepada-Nya dan berjihadlah di jalan-Nya, mudah-mudahan (dengan cara itu) kamu beroleh kejayaan."*

Firman-Nya lagi, yang tafsirnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, mahukah kamu jika Aku tunjukkan suatu peringatan yang dapat menyelamatkan kamu daripada siksa (penderitaan) yang pedih? Iaitulah, kamu hendaklah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan berjihad (berkorban) di jalan Allah dengan harta kamu dan diri kamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."*

Dua ayat di atas, dikuatkan pula pula oleh ayat ini Firman Allah Taala yang bermaksud:

*"Berjihadlah kamu di jalan Allah dengan sebenar-benar jihad (bersungguh-sungguh)."*

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Orang banyak yang keliru, apabila disebut jihad dan pengorbanan itu, dianggapnya hanya berperang semata-mata. Hanya bertempur di medan perang sahaja. Padahal jihad itu bukan itu sahaja, tetapi dalam pengertiannya yang luas, termasuklah bekerja, berusaha dan berkorban sepenuh tenaga, sepenuh jiwa raga, untuk mencapai matlamat-matlamat yang disuruh dan diperintahkan oleh Allah Taala, seperti menegakkan amar maaruf dan nahi mungkar, memerangi mungkarat dan hawa nafsu dan melarang maksiat, juga adalah dianggap jihad. Bahkan jihad atau pengorbanan di medan perang boleh berhenti apabila telah tamat pencerobohan musuh, tetapi jihad menegakkan amar maaruf dan nahi mungkar dan melawan hawa nafsu itu tidak ada titik berhentinya, sebagaimana telah dibayangkan oleh Hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam setelah Baginda kembali daripada suatu medan perang sesudah berjaya mengalahkan musuh, Baginda bersabda yang bermaksud:

*"Jangan fikir tugas kita berjihad ini telah selesai, tidak. Tetapi sebenarnya, kita ini baru sahaja kembali dari jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar."*

Apabila ditanya apakah jihad yang lebih besar itu? Jawab Baginda:

*"Jihad melawan dan menentang hawa nafsu."*

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Begitulah pentingnya ajaran jihad dan berkorban itu di dalam Islam. Tetapi sayang, ajaran yang sepenting ini, telah dikaburi oleh fitnah dan usaha-usaha musuh yang mendakwa, bahawa jihad itu sudah berakhir dengan wafatnya Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Tidak ada jihad sekarang, dan barangsiapa yang cuba-cuba menghidupkannya, orang itu akan dicap sebagai jahat, penjenayah dan pelampau.

Ancaman dan fitnah ini telah banyak meracuni orang Islam sendiri, terbukti daripada keadaan dan sikap mereka yang banyak mengalah dan tunduk kepada mungkarat. Akibat daripada takutkan fitnah musuh, takut dicap sebagai penjenayah atau pelampau, ramai orang Islam yang tidak berani tampil membela ugamanya, tidak suka bekerja keras untuk membangun Islam, mereka takut dan ragu-ragu hendak melangkah memajukan dakwah Islamiah, kerana kerja dakwah itu sendiri bukan lain dari jihad, sebagaimana Hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud:

*"Barangsiapa dari kamu yang melihat mungkar berlaku di hadapan matanya, maka hendaklah dia membentrasnya dengan tangannya. Jika tidak sanggup, maka dengan lidahnya. Tidak sanggup juga, maka dengan hatinya. Dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."*

Maka bersukut dengan hari berkat dan penuh dengan pengajaran ini, marilah kita sama-sama mengambil ingatan, mengubah sikap kita dengan bersedia bekerja untuk Islam, tanpil ke hadapan memikul tanggungjawab besar memelihara dan memajukan ugama ini, melalui amalan dan dakwah yang terus menerus, dengan menyokong dan mengambil bahagian jika bersesuaian, dengan tidak ragu-ragu dan tunduk kepada tohmah dan fitnah musuh. Jangan biarkan selamanya kita ditanya oleh Allah sepertimana Firman-Nya dalam Quran surah At-Taubah ayat 13 tafsirannya:

*"Apakah kamu masih takut kepada mereka itu (orang-orang yang tidak beriman dan orang-orang yang menjadi dalang menghina dan memusuhi kamu dan ugama Islam)? Sebenarnya Allah-lah yang lebih berhak kamu takuti jika benar-benar kamu percaya."*

## Khutbah kedua

# Terlampau cinta kepada dunia umat Islam menjadi lemah

KEADAAN umat Islam yang lemah hari ini, adalah banyak berpunca daripada kita juga, daripada umat Islam sendiri. Kita telah terlampau banyak tunduk dan menyerah kepada hawa nafsu. Kita telah melupakan jalan-jalan yang dituntut oleh ugama untuk maju. Ugama telah menyuruh kita taat, takwa dan menggandakan amal salih, tetapi umat Islam lebih memilih jalan derhaka, meringankan suruhan itu. Demikian juga ugama telah suruh kita berkorban atau berusaha dengan menjalankan amar maaruf dan nahi mungkar, tetapi ramai umat Islam yang tidak peduli, kerana mereka menganggapnya, ini kurang penting atau tidak penting langsung, dan yang penting itu bagi anggapannya ialah apa yang lain dari dakwah, apa yang lain dari ugama — beginilah corak pemikiran sekarang.

Jadi apakah bentuk pemikiran itu sudah demikian rupanya, maka apakah lagi yang ada pada kita? Di manakah sekarang kualiti kita umat Islam? Kualiti atau nilai umat Islam itu bukan pada kulit, tetapi isi, pada hati, pendirian dan jiwanya. Jika hati, pendirian dan jiwanya itu sudah tunduk menyerah, bertakwa kepada Allah, maka itu tandanya orang Muslim yang berkualiti. Firman Allah Taala, tafsirnya:

*"Sesungguhnya orang yang paling mulia, yang paling berkualiti di antara kamu, ialah orang yang paling banyak takwanya kepada Allah."*

Kita tegaskan, bahawa umat Islam belum tentu umat yang termiskin. Buktinya sekarang pun dunia sangat banyak bergantung kepada mereka. Umat Islam belum tentu umat yang tersedikit jumlahnya. Buktinya menurut perangkaan tahun 1975, bilangan umat Islam itu telah mencapai kepada angka 907 juta jiwa. Jadi dari segi bilangan, umat Islam sudah boleh dianggap hebat, umat Islam sudah boleh dianggap kuat.

Tetapi benarkah mereka hebat? Benarkah mereka kuat? Jawabnya: Tidak! umat Islam sekarang lemah. Mengapa lemah? Kerana umat Islam sedang sakit, sedang mengidap penyakit, penyakit yang disebut oleh hadis sebagai penyakit hati. Hati mereka lebih banyak berpaut kepada dunia daripada akhirat. Kerana itulah, apa sahaja corak dunia ini, corak zaman ini, dengan mudah sahaja dapat mencorakkan mereka. Bukan mereka yang mencorakkan zaman. Kalau zaman gila bergaduh, mereka pun turut bergaduh. Zaman gila politik, politik kotor, mereka pun main kotor. Zaman gila zina, mereka pun turut berzina. Zaman gila arak, mereka pun turut minum arak. Zaman gila judi, mereka pun turut berjudi. Zaman gila melawan dan menderhaka, mereka pun turut melawan dan menderhaka, menderhaka kepada Allah, kepada Rasulullah, kepada ketua, sehingga tidak ada lagi perbezaan di antara mereka dengan orang lain. Inilah setengah dari keadaan orang Islam hari ini. Mereka benar-benar sudah tunduk dan menyerah bulat-bulat kepada zaman. Mereka berfikir bahawa inilah kemajuan, inilah sahaja cara yang maju, yang progresif dan moden dan bertaraf antarabangsa walaupun ianya tidak sesuai, tidak manis pada Allah Taala, tetapi manis pada mereka. Tidak elok pada Allah Taala, tetapi elok pada mereka. Tidak boleh, haram pada Allah Taala, tetapi boleh dan harus pada mereka. Mereka tidak sedar, bahawa perbuatan mereka itu bukanlah akan menguntungkan, tetapi merugikan. Bukannya akan membawa orang lain segan, tetapi di hati orang-orang itu meludah, mencebek dan mengejek kita orang-orang Islam sebagai tidak mempunyai pendirian, tidak bermaruah dan tidak setia. Kerana itulah, hormat dan rasa gerun mereka itu hilang terhadap orang-orang Islam pada akhirnya. Dan akibatnya, rasalah umat Islam, mereka dikepung, dikerumun dan diratah-ratah oleh orang lain. Menyebabkan ada yang sampai kehilangan kekuasaan, hilang tanahair, hilang harta milek, hilang pengaruh, dan paling lumrah, hilang harga diri dan kehebatan di mata orang-orang bukan Islam.

Perkara ini, wahai kaum Muslimin, bukan cakap kosong, tetapi disebut oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam hadisnya untuk peringatan kepada umat Islam. Hadis tersebut bermaksud;

"Hampir-hampir sekalian bangsa dan umat di segenap pelusuk dunia ini mengepung kamu, seperti satu kumpulan ahli jemputan berkeliling menghadap hidangan. Mereka mengerumun dan meratah-ratah hidangan itu. Tatkala ditanya adakah pada masa itu jumlah orang Islam sedikit, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Tidak, bahkan kamu ramai! Tetapi kamu tidak ubah seperti buih di laut. Kehebatan kamu yang menakut dan menggerunkan musuh telah diangkat dari hati-hati mereka, sedang di hati kamu pula penuh dengan penyakit. Apakah penyakit itu wahai Rasulullah? Menjawab Baginda: Penyakit itu ialah terlampau cinta kepada dunia dan takut akan mati."

Apa erti cinta kepada dunia ini? Ialah lupa akan akhirat, tidak mahu berkenangkan akhirat. Dan oleh kerana tidak berkenangkan akhirat itulah, orang-orang Islam mudah sahaja melakukan perkara-perkara maksiat, dan apabila maksiat sudah tersebar dengan luasnya, maka hilanglah berkat, hilanglah jaminan Allah untuk menjadikan umat Islam itu umat yang kuat dan disegani. Kedua, erti takutkan mati pula, ialah tidak sanggup berkorban untuk Islam, tidak mahu kerja keras sedikit untuk Islam, tidak mahu membantu dan menyokong usaha-usaha meninggikan Ugama Islam, tidak ada cemburu dan ghairah terhadap Islam. Semua ini, tidak mahu dilakukan, semata-mata kerana bimbang, kerana takut rugi, takut terjejas nyawa, takut terjejas harta benda dan takut terjejas kepentingan. Juga apabila ini berlaku, maka hilanglah berkat, hilanglah jaminan Allah untuk menjadikan umat Islam itu umat yang kuat dan disegani. Mudah-mudahan hal ini diambil berat dan mendapat perhatian umat Islam di mana-mana sahaja.

Lanjutan daripada rencana mengenai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang disiarkan minggu lepas maka rencana minggu ini memperkatakan mengenai badan dunia itu dari segi sejarahnya, yang ditulis oleh Awang Mohd Salleh bin Abd Latif, Pembantu Akhbar di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam usaha membuat liputan bagi akhbar Pelita Brunei mengenai kemasukan negara kita ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Awang Mohd. Salleh telah diperkenankan pergi ke New York bersama seorang jurugambar Jabatan Penerangan, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Haji Othman — PENYUNTING.



GAMBAR atas menunjukkan semasa sidang biasa Perhimpunan Agung dalam Dewan Perhimpunan Agung PBB.

# SEJARAH RINGKAS PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

RENCANA ini mengajak pembaca untuk mengenal secara lebih dekat mengenai dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu agar kita akan lebih memahaminya. Untuk itu kita perlu meninjau dari sudut sejarah.

## PAKATAN BANGSA-BANGSA

Sebaik-baik sahaja dunia sejagat ini mengalami bencana Perang Dunia Pertama kesedaran untuk gagasan suatu pakatan antarabangsa tumbuh pada tahun 1920 dengan lahirnya apa yang dipanggil sebagai "Pakatan Bangsa-Bangsa."

Penubuhan Pakatan Bangsa-Bangsa itu bertujuan untuk mencari serta mengekalkan perdamaian di dunia dengan pendekatan permuafakatan, perundingan serta pertukaran pemikiran sesama anggota.

Pakatan Bangsa-Bangsa ini terbukti gagal dengan tercetusnya Perang Dunia Kedua. Pakatan ini juga tidak memperolehi sokongan penuh dari kuasa-kuasa besar dunia yang setengahnya tidak memperdulikan keputusan-keputusan yang telah diambil oleh Pakatan Bangsa-Bangsa.

Pakatan Bangsa-Bangsa itu tidak dianggotai oleh Amerika Syarikat yang merupakan sebuah negara kuasa besar. Ada beberapa buah negara yang jadi anggota yang akhirnya mengundurkan diri dari pakatan tersebut. Walau macam manapun ditinjau dari segi sejarah perhubungan antarabangsa, Pakatan Bangsa-Bangsa yang ditubuhkan dalam tahun 1920 itu tetap dianggap penting.

## PERJUMPAAN DI KOTA LONDON

Sewaktu perang Dunia Kedua masih lagi berbahang beberapa pemikiran telah timbul untuk mengambil langkah-langkah baru ke arah pembentukan satu pertubuhan antarbangsa yang tujuannya sama dengan Pakatan Bangsa-Bangsa yang telah lumpuh longlai itu.

Bertempat di Kota London pada bulan Jun 1941 perjumpaan telah diadakan bagi menandatangani perisytiharaan menentang sebarang percubaan daripada membuat pakatan-pakatan berdamai secara berasingan oleh mana-mana negara. Negara-negara yang turut serta ialah Australia, Belgium, Belanda, Czechoslovakia, Greece, Inggeris, Kanada, New Zealand, Norway, Luxembourg, Poland, Persekutuan Afrika Selatan, Perancis dan Yogoslavia.

Perisytiharaan yang dipérbuat di Saint James Palace di Kota London itu berbunyi, "Asas yang sebenarnya untuk perdamaian yang berkekalan ialah kerelaan bekerjasama dari penduduk-penduduk yang bebas dalam sebuah dunia yang terlepas dari ancaman pencerobohan dan di mana semua manusia dapat menikmati keselamatan ekonomi dan kemasyarakatan. Adalah menjadi tujuan kami untuk bekerja bersama-sama, dan berserta manusia lain yang bebas dalam masa perang dan damai menuju ke matlamat ini."

## PIAGAM ATLANTIK

Pada 14 Ogos 1941 Perdana Menteri Inggeris Tuan Winston Churchill, telah menemui Presiden Amerika Syarikat Tuan Franklin D. Roosevelt di sebuah kapal perang di suatu tempat di Lautan Atlantik. Waktu itu tentera Jerman baharu sahaja memasuki Russia, dan menampakkan kekuatannya untuk menakluki seluruh Eropah. Pada ketika inilah Piagam Atlantik dipersetujui bersama antara Amerika Syarikat bersimpati terhadap Inggeris meskipun Amerika Syarikat belum lagi terlibat dalam peperangan.

Piagam Atlantik juga menjangka bahawa pada suatu masa kelak akan terbentuklah "masa depan yang lebih baik untuk dunia ini demi menjamin keselamatan umum". Penyataan rasmi ini adalah juga bermaksud untuk membentuk suatu pertubuhan dunia.

Piagam Atlantik juga adalah ibarat penyelamat kepada negara-negara lemah kesan dari bahang Perang Dunia kedua, jadi dengan sendirinya piagam ini merupakan penjelmaan ura-ura sebuah pertubuhan dunia berdasarkan kepada nilai-nilai serta kerjasama antarabangsa.

## PERSIDANGAN WASHINGTON

Penandatanganan suatu dokumen mengenai dengan usaha-usaha menamatkan perang serta mengikat negara-negara yang menandatangani dokumen itu daripada melakukan sebarang pakatan perdamaian sementara secara berasingan dengan pihak musuh dilangsungkan di Washington pada bulan Januari 1942. Amerika Syarikat, China, Inggeris dan Russia telah menandatangani dokumen tersebut.

Dokumen itu dalam sejarah dipanggil sebagai "Perisyhtiharan Bangsa-Bangsa Bersatu dan dari sinilah bermulanya penggunaan istilah "Bangsa-Bangsa Bersatu."

Sejumlah dua puluh enam buah negara menggelar diri mereka sebagai "Bangsa-Bangsa Bersatu" yang antara lain bertujuan untuk menyokong suatu rancangan bersama kepada matlamat yang terkandung dalam Piagam Atlantik; mempertahankan kehidupan, kebebasan, kemerdekaan dan kebebasan berugama serta memelihara hak-hak dan keadilan manusia dalam kawasan mereka sendiri, juga di kawasan-kawasan lain.

Ia juga mensepakati supaya tiap-tiap negara berjanji serta berikrar akan mempergunakan segala keupayaan sama ada dalam bidang tentera atau ekonomi untuk menentang anggota-anggota pakatan Tiga Pihak (Tripartite Pact — Itali, Jerman dan Jepun) dan pengikut-pengikut; dan berikrar untuk berkerjasama dengan negara-negara yang menandatangani pengisytiharan ini dan tidak akan membuat pakatan perdamaian secara berasingan dengan pihak musuh.

## MESYUARAT KALANGAN PIHAK BERSATU

Kebimbangan terhadap kehancuran umat manusia akibat Perang Dunia Kedua telah mendesak negara Pihak Bersekutu untuk melaksanakan pemikiran penubuhan pertubuhan dunia, lalu satu mesyuarat di kalangan Pihak Bersekutu pun diadakan pada bulan Oktober 1943 bertempat di Moscow yang dihadiri bersama oleh menteri-menteri luar Amerika Syarikat, Inggeris, China dan Russia.

Pihak Bersekutu dalam masyarakat ini bersetuju mewujudkan keamanan serta perdamaian dengan cita-cita bahawa, "menyedari dan mengakui tentang kepentingan menubuhkan, pada tarikh yang secepat-cepatnya dan sewajarnya, suatu pertubuhan besar antarabangsa berdasarkan prinsip persamaan kedaulatan semua negara yang cintakan perdamaian, dan keanggotaannya terbuka kepada semua negara seperti itu, sâma ada besar atau kecil, untuk menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa."

Masing-masing negara Pihak Bersekutu telah membentuk jawatankuasa masing-masing untuk merancangkan suatu rangka untuk pertubuhan dunia yang dimaksudkan itu. Langkah-langkah untuk meyatukan serta mengubahsuai rangka pertubuhan dunia itu pun bermula.

## PERSIDANGAN DUMBERTON OAKS

Di sebuah bangunan besar yang menyerupai istana yang terletak di sebuah ladang bernama Dumberton Oaks, daerah luar Washington, berlangsunglah satu persidangan yang dihadiri oleh negara-negara kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Inggeris, China dan Russia.

Persidangan Dumberton Oaks ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kemampuan empat buah negara kuasa besar itu dapat mengadakan suatu rangka pertubuhan dunia yang dipersetujui bersama.

Rangka yang telah diubahsuai itu dipersetujui dalam Persidangan Dumberton Oaks dengan jaminan bahawa pertubuhan dunia yang diura-urakan itu akan dianggotai oleh mereka semua kerana kemantapan pertubuhan dunia sewajarnya dipikul bersama terutama penglibatan kesemua kuasa-kuasa besar.

Rangka ini digelar sebagai "Syor-Syor Dumberton Oaks" dan disebarkan berjuta-juta naskah untuk tatapan dan bahan renungan semua orang dengan pemikiran agar orang ramai akan sama-sama mencadangkan cara-cara memperbaikinya. Naskah-naskah syor-syor Dumberton Oaks ini disebarkan keempat buah negara kuasa besar.

Pandangan orang ramai dari keempat buah negara kuasa besar sungguh mengalakkan hinggakan ahli-ahli pemikir di Dumberton Oaks tidak dapat memecahkan persoalan yang dikemukakan terutama berhubung dengan kuasa setiap negara terbesar dalam Majlis Keselamatan.

## PERUNDINGAN DI YALTA

Untuk mengemaskan lagi Syor-syor Dumberton Oaks satu perundingan telah diadakan di sebuah pekan di tepi laut bahagian selatan Russia yang bernama Yalta. Amerika Syarikat, Inggeris dan Russia melibatkan diri dalam perundingan ini yang merumuskan bahawa sebanyak lima buah negara kuasa besar akan menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan.

Anggota tetap itu terdiri daripada Amerika Syarikat, Inggeris, Russia, China dan Perancis. Lima buah negara ini mempunyai "undi pemutus" iaitu kuasa veto. Perundingan ini berlangsung pada 11 Februari 1945.

Undi pemutus ialah bermaksud suatu cadangan atau saranan dengan sendirinya akan gugur kalau salah sebuah dari lima buah negara yang mempunyai kuasa veto tersebut tidak mempersetujuinya sekalipun memperolehi sokongan terbanyak di Majlis Keselamatan. Dalam ertikata yang lebih luas suatu tindakan yang hendak dilakukan oleh Majlis Keselamatan mestilah dipersetujui oleh kelima buah negara tersebut.

## PERSIDANGAN DI SAN FRANCISCO

Lima puluh buah negara telah menghantar perwakilan masing-masing ke persidangan di San Francisco yang diadakan pada 25 April 1945. Waktu itu tentera Russia telah mengepung Berlin, dan Jerman menghadapi pertempuran yang dahsat.

Bandar San Francisco juga terdedah kepada bahaya peperangan kerana bom-bom belun Jepun meletup di angkasa raya beberapa batu jauhnya dari Dewan Opera San Francisco dalam mana berkumpulnya 850 orang wakil dari lima puluh buah negara di samping tidak kurang dari 3,500 orang pakar-pakar pelbagai ilmu dari pelbagai bangsa untuk menggubal piagam sebuah pertubuhan dunia demi kepentingan semua umat manusia yang cintakan keamanan dan ketenteraman.

Lima puluh buah negara perwakilan ini datang dengan persediaan-persediaan yang cukup baik dari segi pemikiran hinggalah kepada jurubahasa. Semuanya berusaha untuk membuat piagam. Persidangan di San Francisco itu berlangsung selama dua bulan satu hari.

Untuk melicinkan persidangan tersebut, beberapa buah jawatankuasa telah dibentuk bagi membincangkan pelbagai masalah. Penggubalan mukaddimah piagam saja sudah memakan masa selama beberapa minggu untuk diselesaikan oleh satu jawatankuasa.

## SURUHANJAYA BAGI MEMBINCANGKAN PIAGAM

Kejayaan jawatankuasa dalam mengumpulkan segala yang dimaksudkan oleh piagam ini adalah berpunca dari pembentukan suruhan-

Lihat muka 8

# Sejarah ringkas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Dari muka 7

jaya yang dimandatkan untuk menimbangkan empat perkara berikut:

Suruhanjaya Pertama menimbangkan tujuan am pertubuhan itu seperti dasar, keanggotaan, jabatan setiausaha dan pindaan piagam.

Suruhanjaya Kedua menimbangkan tentang kuasa dan tanggungjawab Perhimpunan Agung.

Suruhanjaya Ketiga menimbangkan mengenai dengan kuasa serta tanggungjawab Majlis Keselamatan.

Suruhanjaya Keempat meneliti rang Undang-Undang Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Satu bahagian baharu telah ditambah kepada syor-syor Dumberton Oaks iaitu tentang sistem meletakan beberapa buah wilayah di dunia ini di bawah amanah Bangsa-Bangsa Bersatu.

### PIAGAM BANGSA-BANGSA BERSATU

Undi pemutus dalam Majlis Keselamatan yang dihakkan kepada lima buah negara kuasa besar begitu menonjol diperbahaskan hinggakan hampir menjejaskan perjalanan persidangan di San Francisco itu. Negara-negara kecil begitu bimbang kalau-kalau kuasa veto itu disalahgunakan oleh salah sebuah dari lima kuasa besar terutama dalam langkah-langkah yang boleh mengancam keamanan dunia kerana Majlis Keselamatan tidak berkuasa lagi untuk mencegah perbuatan negara kuasa besar itu.

Setengah-setengah negara kecil mensyorkan agar undi pemutus kuasa negara besar itu dikurangkan tetapi kuasa-kuasa negara besar sebulat suara menegaskan kuasa veto adalah penting dengan alasan kemantapan keamanan dunia ini sebahagian besarnya terletak kepada mereka.

Selepas kira-kira dua bulan lamanya semua bahagian Piagam itu pun sempurna digubal dan dipersetujui oleh dua-pertiga undi terbanyak. Kemudian pada 25 Jun 1945 semua bahagian-bahagian itu dicantumkan ke dalam satu rang yang disebut "Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu" bagi dikemukakan dalam persidangan penuh. Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu ini disediakan dalam lima bahasa iaitu Inggeris, China, Russia, Perancis dan Sepanyol.

Apabila pengundian dijalankan, semua perwakilan menerimanya. Tiada sebuah negara pun yang menentang. Keesokkan harinya semua perwakilan menandatangani kedua buah buku peraturan pertubuhan antarabangsa itu yang terdiri daripada naskah Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan Undang-Undang Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

### HARI BANGSA-BANGSA BERSATU 24 OKTOBER

Wakil-wakil negara masing-masing pun kembali ke tanahair untuk menyampaikan kepada kerajaan masing-masing tentang hasrat penubuhan badan dunia itu, setelah upacara penandatangan dilakukan di Dewan Opera San Fransciso.

Masing-masing negara membentangkannya dalam parlimen, dalam kongres atau lain-lain sistem perundangan yang diamalkan oleh negara masing-masing.

Selang tiga bulan, bilangan negara-negara yang diperlukan bagi pengesahan penerimaan serta pengakuan pertubuhan dunia itu pun diperolehi yang menyatakan persetujuan mematuhi Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Hal ini terjadi pada tanggal 24 Oktober, 1945. Dengan itu Oktober 24 telah dijadikan sebagai Hari Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan itu rasmilah sudah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Perhimpunan Agung yang pertama pun diadakan di London pada 10 Januari 1946. Ia bukan lagi merupakan suatu rancangan. Pertubuhan ini mula hidup, bergerak dan berkembang.

### TUJUAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Tujuan utama Bangsa-Bangsa Bersatu ada empat. Pertama, bagi mengelakkan peperangan. Kedua, bagi memperteguh keyakinan serta penghormatan orang ramai dan negara-negara mereka terhadap hak-hak dan kebebasan asasi manusia. Ketiga, bagi mewujudkan keadilan dan menghormati kewajipan-kewajipan dan tanggungan-tanggungan antarabangsa. Keempat, bagi mengalakkan kemajuan kemasyarakatan serta memperbaiki taraf hidup manusia.

Keempat tujuan ini saling kait-mengait selaras dengan kehendak Mukadimah Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyatakan keazaman, "hendak menyelamatkan keturunan-keturunan yang akan datang daripada bencana peperangan yang sudah dua kali dalam masa hidup kita mendatangkan kedukaan yang tiada tolok bandingannya ke atas umat manusia, dan hendak memperteguh semula kepercayaan terhadap hak-hak asasi manusia, terhadap hak-hak yang sama antara laki-laki dan perempuan dan antara bangsa-bangsa yang besar dan kecil, dan hendak mewujudkan keadaan di mana keadilan dan hormat kepada tanggungjawab yang terbit dari perjanjian-perjanjian dan lain-lain punca undang-undang antarabangsa dapat dipelihara, dan hendak menggalakkan kemajuan masyarakat serta darjat hidup yang lebih tinggi dalam kebebasan yang lebih luas".



NASKAH asal Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditandatangani oleh 50 orang wakil negara di San Francisco pada 26 Jun 1945.

### PENCAPAIAN KEPADA TUJUAN-TUJUAN

Pencapaian kepada tujuan-tujuan yang empat di atas adalah penting. Untuk mencapai tujuan-tujuan itu Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggariskan bahawa, "mengamalkan kesabaran dan hidup bersama dengan aman serta damai antara satu dengan lain sebagai tetangga yang berbaik-baik. Meyatukan kekuatan mereka bagi memelihara keamanan serta keselamatan antarabangsa. Menjamin dengan cara menerima lunas-lunas dan cara-cara yang tertentu agar kekuatan senjata tidak akan digunakan kecuali untuk muslihat bersama. Menggunakan cara-cara dan alat-alat antarabangsa bagi menggalakkan kemajuan ekonomi dan masyarakat semua orang".

Dalam perhubungan berbaik-baik antarabangsa, persefahaman antara sesama manusia merupakan faktor yang penting.

### PANDUAN DASAR-DASAR

Panduan dasar-dasar kepada Bangsa-Bangsa Bersatu dan anggota-anggotanya adalah seperti berikut :

* Pertubuhan ini berasaskan kepada persamaan taraf dan kedaulatan semua negara anggotanya.
* Tiap-tiap Negara Anggota akan memenuhi tanggungjawabnya menurut Piagam, dengan perasaan dan semangat berbaik-baik.
* Semua negara anggota akan menyelesaikan perbalahan-perbalahan antarabangsa dengan perasaan dan semangat berbaik-baik.
* Negara Anggota hendaklah menjauhkan perbuatan menggugat atau menggunakan kekerasan terhadap wilayah dan kemerdekaan sebarang negara ataupun dengan cara yang tidak sesuai dengan tujuan-tujuan Bangsa-Bangsa Bersatu.
* Negara anggota hendaklah memberi setiap pertolongan dalam apa sahaja tindakan yang diambil olehnya mengikut Piagam, dan hendaklah menjauhkan diri dari memberi sebarang pertolongan kepada sebarang negara yang sedang tindakan mencegah dan tindakan mengenakan sekatan ke atas negara itu dijalankan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.
* Pertubuhan akan memerhatikan agar negara-negara bukan anggota bertindak mengikut dasar-dasar ini setakat yang perlu untuk menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa.
* Pertubuhan tidak akan mencampuri hal-hal atau perkara-perkara yang khususnya adalah dalam lingkungan kuasa dan pemerintahan sebuah negara atau memaksa sebarang negara anggota supaya mengemukakan hal-hal atau perkara-perkara itu untuk diselesaikan oleh pertubuhan. Tetapi dasar ini akan diketepikan bila tindakan memaksa terdesak dipergunakan untuk menghadapi ugutan-ugutan yang mengancam keamanan, tindakan yang melanggar syarat keamanan dan perbuatan menceroboh.

Setengah orang mengatakan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan sebuah 'kelab antarabangsa', suatu kumpulan 'keluarga manusia' dan ada pula yang menyatakan sebagai 'medan bahas dan debat'. Apapun panggilan yang ditujukan kepada pertubuhan ini, ia tetap merupakan sebuah kelab antarabangsa yang mengumpul keluarga manusia untuk berforum. Cuma bezanya kelab antarabangsa ini tidak membuat undang-undang yang diwajibkan kepada negara-negara anggotanya kerana ketetapan-ketetapan yang dirumuskan dalam Perhimpunan Agungnya hanya merupakan syor-syor sahaja, tidak lebih dari itu.

### KESIMPULAN

Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan sebuah keluarga antarabangsa yang terdiri daripada negara-negara berdaulat, serta pertubuhan-pertubuhan khas antarabangsa yang mempunyai hubungan saling bergantung antara satu dengan yang lain dalam menjalankan usaha besar bagi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Usaha menjaga keamanan antarabangsa demi kepentingan manusia bukanlah usaha yang mudah. Dalam unit keluarga umpamanya yang dianggotai oleh ayah, ibu dan anak-anak, perbalahan sering terjadi. Kemudian kita tinjau pula unit sebuah kampung yang mengumpulkan unit-unit keluarga yang menghuninya, pertelingkahan sering berlaku sehinggakan ditubuhkan satu jawatankuasa bagi mengawal kesentosaan kampung itu. Dari unit kampung membesar kepada daerah. Dari daerah berpusat kepada sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka, dan akhirnya ke peringkat antarabangsa. Peringkat terakhir inilah yang mengumpulkan keluarga antarabangsa, suatu usaha yang sungguh sukar.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berfungsi untuk menjaga keamanan serta keselamatan di peringkat antarabangsa dengan cara mengumpulkan manusia dalam satu unit keluarga yang besar.



MAHKAMAH Keadilan Antarabangsa yang merupakan salah satu dari enam buah badan utama Bangsa-Bangsa Bersatu.

# PENGARAH URUSAN BARU TIBA

PENGARAH Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad yang baru, Awang Nico Van Dijk tiba ke negara ini pada 2 September yang lalu. Beliau telah disertai oleh isteri beliau, Johanna.

Mereka telah disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad yang akan bersara, Dato Seri Paduka Peter Everett dan Datin.

Awang Van Dijk akan mengambil alih tugas-tugas Dato Seri Paduka Peter Everett pada 15 September 1984. Dato Everett akan meninggalkan negara ini untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Shell United Kingdom Exploration and Production setelah lima tahun berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Brunei Shell dan menjadi Chief Executive di LNG, Brunei.

Sebelum ke sini, Awang Van Dijk adalah Timbalan Pengarah Urusan Shell Development Company of Nigeria Limited dan sejak 21 tahun bersama Syarikat-Syarikat Shell Group. Beliau telah berkhidmat selama 12 tahun di Nigeria dan pernah bertugas di Netherlands dan Qatar. Awang Van Dijk adalah seorang Jurutera Pengeluar.




# Lawatan Penuntut Jepun

SATU rombongan pelajar-pelajar dan guru-guru dari Tachikawa Municipal First Junior School, Jepun telah melawat Shell Brunei baru-baru ini.

Pelajar-pelajar yang berumur antara 12 hingga 16 tahun itu telah menunjukkan satu seni mempertahankan diri Jepun yang dikenali sebagai Iaido sebagai tanda penghargaan kepada Shell Brunei.

Dayang Sasaki Sachie salah seorang pengajar yang menyertai rombongan itu berkata bahawa lawatan mereka ke Shell Brunei akan menjadi kenangan. Mereka jelas beliau menghargai layanan yang telah diberikan dan mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua kakitangan Shell Brunei dan menambah bahawa pertunjukan Iaido itu adalah khas bagi kakitangan di sana.

Iadio adalah seni permainan pedang yang telah berkembang sejak beberapa kurun yang lampau. Ianya telah mula dikenali kira-kira pada pertengahan tahun 1500, di mana sering terjadi peperangan.

Dayang Sasaki berkata bahawa Iaido bermula ketika perang saudara Jepun di mana adalah menjadi kelaziman untuk membunuh musuh dengan menggunakan pedang secepat yang mungkin.

Walau bagaimanapun tambah beliau Iaido sekarang bukanlah untuk mengalahkan musuh tetapi untuk menempuh satu kehidupan yang baik sebagai manusia dan ini boleh dilakukan dengan latihan yang berterusan.

Setiap hari dalam latihan, tumpuan adalah diberikan kepada cara-cara menggunakan pedang dan bukannya untuk mempelajari cara-cara bekelahi.

Dayang Sasaki seterusnya memberitahu bahawa ada satu ungkapan mengenai Iaido iaitu 'saya no uchi' yang bermaksud seseorang tidak perlu mengeluarkan pedangnya tanpa alasan. Apa yang penting ialah mengawal keadaan supaya pedang-pedang tidak akan diacukan untuk berlawan sesama sendiri.

Iaido, tambah beliau lagi secara langsung akan menimbulkan keharmonian di kalangan semua orang yang menghayatinya.

# Kajian di luar pejabat mengenai konsep asas kajibumi

BANTUAN serta sokongan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad kepada penuntut-penuntut yang menerima dermasiswa syarikat tersebut telahpun ada sebelum lagi pemergian mereka ke seberang laut.

Keistimewaan itu dapat dirasakan oleh dua adik beradik Iskandar dan Azhar Yahya yang akan berlepas ke United Kingdom bulan ini. Pada masa ini kedua-dua mereka ditempatkan di bahagian eksplorasi,

Iskandar dan Azhar akan mengikuti kursus Geology di salah sebuah Universiti dan semasa penempatan sementara ini mereka telah diberikan penerangan yang mendalam tentang apa yang diperlukan dari seorang ahli kajibumi yang bekerja dengan Shell Brunei. Bukan itu saja malahan mereka juga telah dibawa untuk membuat kajian-kajian di luar pejabat. Baru-baru ini mereka telah berkesempatan melihat kawasan-kawasan Jerudong dan Berakas di mana mereka diberi penerangan oleh dua orang ahli kajibumi eksplorasi Rod Johns dan Theo de Natris.

Kajian di luar pejabat itu juga telah disertai oleh beberapa orang kakitangan rendah dan kanan tempatan dan telah diterangkan mengenai konsep-konsep asas kajibumi yang ternampak pada batu-batu di sana.

Perhatian khas telah ditumpukan kepada perkara-perkara yang memainkan peranan penting dalam kajibumi petroleum di Brunei seperti batu-batu pasir simpanan serta keadaan kawasan simpanan itu, sebab-sebabnya, ketidak sesuaian dan pembentukan antichines dan synchines.

Kajian itu adalah peluang yang baik untuk mengetahui bagaimana batu yang terbonjol di atas tanah boleh membantu dalam memahami dan mengesan telaga dan data-data sesismiki. Dengan kajian luar itu mereka mempunyai pengalaman untuk dibawa ke UK di mana mereka akan lebih banyak membuat kajian kajibumi di luar.

# EQA jalankan kursus pemeriksaan besi

JABATAN Jaminan Mutu Kejuruteraan (EQA) kini telah menjalankan satu kursus yang dikenali sebagai 'Non-destructive test'.

Moduel 2 adalah yang kedua dari empat kursus-kursus latihan pemeriksaan yang dijalankan oleh jabatan itu.

Kursus itu meliputi dua perkara. Perkara pertama ialah mengenai ulasan gambar X-ray iaitu satu cara pemeriksaan yang digunakan untuk mengesan kerosakan pada bahagian dalam peralatan dan yang kedua ialah mengenai penembusan cecair dan pemeriksaan bahan magnet untuk memerikas sesuatu kerosakan pada sebuah peralatan.

Seperti juga dengan Module 1, EQA bukan saja menjemput pelajar-pelajar dari BSP tetapi juga lima orang pelajar dari Sarawak Shell Berhad dan seorang dari LNG, Brunei.

Penceramah di kursus tersebut adalah dari Singapore Institute of Standards and Industrial Research (SISIR). Kursus itu berakhir dengan satu pemeriksaan dari American Society of Non Destructive Testing, ASNT yang diiktiraf di seluruh dunia.

Peserta-peserta kursus dari Brunei Drussalam ialah Stephen Low Chee Chiang, Chua Kim Phong, Julkeply Othman, Roslee Karim, James Loh Lai Teck, Yusoff Isa, Yeo Teck Soon dan Wong Chung Ming. Kursus Module 3 dan 4 akan di adakan pada bulan ini.



PENGARAH Urusan, Dato Seri Paduka Awang Peter Everett menyampaikan lencana kepada Awang Andy Haldance (atas) sementara gambar bawah kelihatan pekerja-pekerja tongkang TENAGA memerhatikan lencana yang dimenangi mereka.



# Rekod baru dicapai

PARA pekerja di tongkang penggalian Tenaga telah menerima pujian kerana kejayaan mereka dalam bidang keselamatan baru-baru ini.

Mereka telah berjaya mengekalkan sifat bertanggungjawab terhadap keselamatan semasa bertugas yang mana telah membolehkan mereka bekerja sepanjang tahun tanpa mendapat kemalangan.

Kejayaan itu lebih bererti lagi dengan lawatan Pengarah Urusan Shell Brunei, Dato Seri Paduka Peter Everett ke tongkang penggalian itu pada 15 Ogos lepas. Dalam ucapan ringkasnya beliau mengucapkan tahniah kepada semua pekerja tongkang itu dan berharap agar kejayaan seumpama itu akan dikekalkan pada tahun-tahun hadapan.

Majlis pada hari itu telah diakhiri dengan penyampaikan lencana keselamatan oleh Dato Everett kepada Awang Andy Haldance dari ODL bagi pihak pekerja-pekerja di tongkang penggalian Tenaga.

Seramai 90 orang kakitangan bekerja di tongkang tersebut yang meliputi kakitangan kontrak dalam bahagian perkhidmatan dan penyediaan. Pada masa ini tongkang itu melakukan kerja-kerja di kawasan Champion.

Inilah kejayaan pertama tongkang tersebut setelah berkhidmat selama enam tahun.

# BSP tuan rumah kursus serantau

SHELL Brunei telah menjadi tuan rumah kepada satu kursus serantau baru-baru ini. Kursus yang diadakan di ibu pejabat syarikat itu telah dihadiri oleh 18 orang kakitangan Shell dari Hong Kong, Malaysia, Jepun, Singapura, Thailand dan Brunei sendiri.

Kursus selama empat hari yang bermula pada 13 Ogos itu adalah mengenai teknik-teknik kewangan dan pengiraan yang bertujuan untuk merencanakan pengertian-pengertian asas bagi pengiraan kewangan dan penggunaannya dalam membuat keputusan dan kawalan pengurusan, untuk menjalankan tafsiran yang mudah bagi keterangan-keterangan kewangan, untuk menggunakan idea-idea dan teknik-teknik bagi menentukan kos barang, anggaran belanjawan dan penilaian-penilaian pelaburan, untuk menyediakan dan menilai belanjawan dan untuk menggunakan pengertian-pengertian pengiraan dalam pengurusan.

Dua orang kakitangan dari Pilipinas Shell, R.D. Gamboa dan N. De La Cruz telah memberi taklimat di kursus itu.

# RTB Intisari minggu ini

## RADIO MINGGU INI:

# INILAH WARTA BERITA....

BERITA merupakan maklumat yang amat penting untuk didengar dan diketahui oleh seseorang individu. Kita di Negara Brunei Darussalam ini lebih banyak didedahkan kepada berita-berita dari luar negeri, baik melalui radio ataupun TV. Malahan akhbar-akhbar 100 peratus didatangkan dari luar negeri. Jadinya dengan sendirinya rakyat dan penduduk negara yang tercinta ini lebih arif tentang hal-ehwal negeri orang. Dari segi komunikasi massa pengaliran maklumat dalam negara ini adalah berat sebelah.

Kita di negara ini mula didedahkan dengan maklumat-maklumat ringkas dalam negeri sesudah adanya Radio Brunei tahun 1957 dulu. Mengikut rencana yang ditulis oleh Mustapha bin Yusof, seorang Pegawai Akhbar di Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei, yang tersiar dalam Suara Brunei — 10 Tahun Siaran Radio Brunei 1957-1967 katanya, bilik berita telah ditubuhkan dalam tahun 1958 dengan dua orang wartawan dari Malaya sebagai kaki-tangan permulaan untuk mengenalkan Radio Brunei dari segi warta berita yang disiarkan kepada pendengar-pendengarnya.

### MASIH BARU

Jadinya, dari petikan rencana itu jelas kepada kita bahawa 'dunia kewartawanan' dalam media siaran masih baru usianya. Namun walau bagaimanapun, pujian harus kita berikan setinggi-tingginya kepada Kerajaan, kerana memberikan kepercayaan kepada 'warganegara'nya untuk mengetuai 'Bilik Berita' yang ada sekarang. Di samping itu sebilangan besar penyunting-penyunting dan pemberita-pemberitanya juga terdiri dari pemuda-pemuda Brunei yang mempunyai bakat dalam dunia kewartawanan.

### KURANG ENAK

Hanya kadang-kadang ada juga yang terdapat kurang enak kita hayati menerusi pancaindera pendengaran kita. Pendengar-pendengar dan penonton-penonton di Negara Brunei Darussalam ini tidaklah begitu statis. Banyak stesen radio dari luar negeri boleh didengar. Beberapa saluran TV boleh dilihat. Jadinya, penghakiman dari pancaindera pendengaran yang disokong kuat lagi oleh berbagai-bagai pengetahuan, kadang-kadang terjejas juga secara tidak disedari maklumat-maklumat yang dibacakan oleh 'Pembaca Berita'

Oleh kerana itu, di samping kita memikul tanggungjawab yang agak berat itu, kita haruslah pula berusaha membaiki 'prestasi berita' yang kita hasilkan sendiri. Dunia wartawan merupakan kerja yang suci, kerana mereka memberitahu kepada orang ramai apa-apa perkara yang tidak diketahui. Dalam perkara ini Radio dan TV Bruneilah satu-satunya punca maklumat yang seringkali diikuti oleh orang ramai. Kerana itu, sekali membuat berita biarlah mempunyai kewibawaan — baik di segi isinya, ayatnya, perkataannya dan sebagainya. Bahkan pembacanya pun harus mempunyai kekuatan yang tersendiri.



RANCANGAN dari Pendengar Untuk Pendengar di keluarannya minggu ini akan menampilkan pendengar kita kali ini Awang Abdul Hamid bin Matzin di alamat No. 124 Kampong Setia 'B', Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Awang Abdul Hamid akan bersama awda semua pada hari Selasa 18 September jam 4.00 petang.

# MUTIKA 1984 PERINGKAT SEPARUH AKHIR RANCANGAN KETIGA

UNTUK siaran pada hari Sabtu 15 September akan datang, lapan peserta telah terpilih tetapi seorang dari mereka, Pengiran Suhaili bin Pg Apong telah menarik diri. Ketujuh-tujuh mereka yang telah terpilih ialah: Abdullah Haji Tahir, Asimah Haji Bungsu, Lokman Haji Yusof, Ak. Metussin, Ak. Musrah, Masni Ali dan Hamzah Haji Abdul Rashid.



Abdullah Haji Tahir



Asimah Haji Bungsu



Lokman Haji Yusof



Ak. Metussin



Ak. Musrah



Masni Ali



Hamzah Haji Abd Rashid

## Sandiwara Radio:

# "Menantu Mak Limah"

### A. MOHAMMAD TIMBANG

DIPILIH untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini adalah cerita yang bertajuk MENANTU MAK LIMAH, tulisan A. Mohammad Timbang.

Hasrat seorang ibu terhadap anaknya memang menjadi perkara yang rumit jika tidak ditunaikan. Kerana itulah Mak Limah yang sudah lama menaruh rahsia hendak menjodohkan anaknya Hasbul dengan Naemah anak jiran mereka, seolah-olah menjadi perkara yang mesti ditunaikan. Dan disebabkan itulah juga Mak Limah tidak bosan-bosan mencari berbagai cara untuk menemukan mereka.

Hasbul yang masih kuat azamnya untuk meneruskan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi, tidak pula mengetahui tentang niat ibunya itu. Kebetulan pula Naemah juga mempunyai peluang yang sama seperti Hasbul untuk melanjutkan pelajarannya keluar negeri.

Di sinilah Mak Limah mengambil kesempatan untuk mempengaruhi Hasbul. Ia beria-ia benar menyuruh Hasbul menjaga keselamatan Naemah ketika belajar di negeri orang. Walaupun Hasbul pada mulanya merasa keberatan, akhirnya ia tidak mempunyai pilihan lain kerana ibunya terus mendesak.

Setelah Hasbul hampir tamat pengajiannya, ibunya pun mengambil keputusan untuk meminang Naemah, walaupun tanpa pengetahuan dan persetujuan dari Hasbul. Ayah Hasbul pada mulanya cuba menentang kehendak ibu Hasbul itu, tapi ia tetap berkeras dengan keputusannya.

Tak lama selepas itu, keadaan berubah rupa, yang berpunca daripada surat yang diterima daripada Hasbul yang menyatakan ia akan kembali ke tanahair bersama dengan bakal isterinya. Ibu Hasbul menjadi marah kerana dalam sangkaannya, Hasbul tentu akan berkahwin dengan gadis berkulit putih.

Benarkah seperti apa yang disangkakan oleh ibu Hasbul itu? Bagaimana pula dengan cita-citanya untuk menjodohkan Hasbul dengan Naemah? Semua persoalan ini akan terjawab jika para pendengar mengikuti siarannya pada 16 September, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Salmah Hj. Abd. Rahman.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 12 SEPTEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 INSPECTOR GADGET
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 WILD KINGDOM: "Lions Of Gir Forest"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD KINGDOM — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.26 AZAN MAGHRIB
6.36 TEKA TEPAT — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Lifelines" (Episod terakhir)
Seorang wanita bekas pelakon filem-filem lucah setelah menjadi eksekutif sebuah syarikat perniagaan menghadapi peras ugut dari seorang yang pernah terlibat dalam kehidupannya yang lampau. Seorang ibu yang tidak berkahwin hendak mengasuhkan anaknya manakala Peter mendapati hidupnya frust kerana tugas-tugasnya yang tertib (routine).
7.39 AZAN ISYAK
7.48 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED: "Memories Are Made Of This"
9.35 THE MISSISSIPPI: "There Is A Tiger In The Town"
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Winds of Kitty Hawk"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 13 SEPTEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 PACMAN
6.05 AGAINST THE ODDS
6.15 WONDERS OF THE WORLD: "Morris Dancer Of England"
6.26 AZAN MAGHRIB
6.36 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CUTTER TO HOUSTON: "The Life You Save"
7.39 AZAN ISYAK
7.43 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE O: "The Kahuna"
10.25 MAN ABOUT THE HOUSE: "No Children, No Dogs"
10.50 GOLF: British Open Bhg. 1
11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 14 SEPTEMBER

### TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

### PETANG

1.25 JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY: "Diving For Roman Plunder"
Cousteau menemui barang-barang lama dicuri dari Greece yang tenggelam dengan kapal-kapal membawanya kira-kira 2000 tahun dulu.
2.10 CRUSADER RABBIT: "Gullible Travels"
3.00 RUBIK, THE AMAZING CUBE: "Rubik And The Lucky Helmat"
3.25 WEBSTER
3.38 AZAN ASAR
4.00 MILLER'S COURT: Video Wars.
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.26 AZAN MAGHRIB
6.36 TEKA TEPAT — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BLUE THUNDER: "Godchild"
7.39 AZAN ISYAK
7.43 BLUE THUNDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA: "Ratna" Bhg. 1 (Turi)
9.45 KNOTS LANDING: "Nowhere To Run"
10.35 TERRY AND JUNE: "Workers Unite"
11.05 MIKE HAMER: "24 Karat Dead"
Kerana minatnya untuk menolong pasangan Beckers yang telah tertipu, Hammer menjalankan siasatannya dengan rasa terhimpit oleh Polis yang menyiasat satu operasi sekumpulan pengganas di luar New York.
11.55 GLEN CAMPBELL
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 15 SEPTEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: "Mysterious Paradise"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA: "Across The Straits"
6.25 DOMESTIC LIFE:
Satu siri komidi keluarga di mana anak lelakinya mempunyai lebih banyak wang dari jumlah wang keluarganya.
6.26 AZAN MAGHRIB
6.36 DOMESTIC LIFE — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER: "Goliath" Bhg. 2
7.39 AZAN ISYAK
7.43 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUTIKA SEPARUH AKHIR No. 3
9.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Melody Cinta"
11.20 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Robin And Marian"
Setelah beberapa tahun Robin Hood kembali semula ke Sherwood Forest dan menjalin percintaan dengan Marian seterusnya menghadapi cabaran dari musuh ketatnya, Sheriff of Nottingham. Pelakon-pelakon: Richard Lester, Sean Connery, Audrey Hepburn, Robert Shaw, dll.
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 16 SEPTEBMER

### PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 SIARAN LANGSUNG PERADUAN MEMBACA AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA SELURUH NEGARA.
4.10 TEETIME AND CLAUDIA
5.05 HONDO: "The Savage"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE WORLD WE SHARE: "The Walpajirri Dreaming"
6.25 AZAN MAGHRIB
6.35 THE WORLD WE SHARE — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Caught Between The Devil"
7.38 AZAN ISYAK
7.42 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 JOURNEY INTO INDIA: "Hindi Movies"
Dunia industri perfileman India memberi kesempatan penduduknya melupakan dari kenyataan sebenarnya kepada kehidupan enak dengan seniman-seniman yang kacak, seniwati-seniwati yang cantik dan keburukan penjahat-penjahat.
9.50 THE TWO RONNIES
10.40 REILLY: ACE OF SPIES "Dreadnought And Crosses"
11.40 SIARAN TAMAT.



BURUNG-burung kosa (gannets) sejenis burung laut yang akan dapat diikuti dokumentarinya Selasa depan kira-kira jam 5.00 petang dalam rancangan WORLD OF SURVIVAL berjudul "Island of Gannets".

## HARI ISNIN 17 SEPTEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE BISKITTS (Episod terakhir)
5.00 SUPERFRIENDS: "Batman, Dead Or Alive"
5.30 THE POSEIDON FILES: "Secrets Of Batavia Coast" Bhg I
Pantai-pantai di sebelah barat Australia telah memusnahkan lebih 2000 buah kapal dan meragut banyak nyawa. Rancangan kali ini melibatkan dari kisah benar sebuah kapal bernama "Batavia" yang telah ditawan oleh penduduk-penduduk kepulauan yang memakan daging manusia disebabkan oleh adat primitif mereka.
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.25 AZAN MAGHRIB
6.35 TEKA TEPAT — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Avenger"
7.38 AZAN ISYAK
7.42 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 WRESTLING
10.00 THE GREAT LITTLE RAILWAYS OF THE WORLD: "The Dragon of Sugar Island"
10.50 LACE (Episod terakhir)
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 18 SEPTEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIES TV FUNNIES
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Island of Gannets"
Kedudukannya di penghujung bawah benua Africa. Dalam peta digelar "Pulau Burung". Pulau ini memang benar banyak mengandungi sejenis burung lau bernama burung kosa (gannets). Namun begitu jenis burung ini juga sedang menghadapi kepupusan kerana kehadiran manusia.
5.30 BUGS BUNNY SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA
6.25 AZAN MAGHRIB
6.35 NOVA — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "The Devil's Island"
Colt dan Howie pergi ke Mexico untuk membawa balik Mary Connors yang dikehendaki kerana penglibatan teman lelakinya dalam satu kes penipuan berjuta ringgit.
7.38 AZAN ISYAK
7.42 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.15 THE YELLOW ROSE: "A Question Of Love"
10.05 TAYANGAN GAMBAR: "Grey Lady Down"
11.35 BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
12.05 SIARAN TAMAT.

# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 12 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita, 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ketiga), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.
**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15 — Hiburan Malam.

### HARI KHAMIS 13 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.
**PETANG:** 2.00—Tetamu Radio (SU), 2.30—Fokus/Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.
**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9 00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 14 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.
**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Selingan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.
**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

### HARI SABTU 15 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Mutika Separuh Akhir..
**PETANG:** 3.15—Hiburan Petang, 330—Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.
**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 16 SEPTEBMER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Hari Minggu, 11.30—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat.
**TENGAH HARI:** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.
**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.
**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

### HARI ISNIN 17 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Sukma Ria, 11.30 — Untuk Awda.
**T/HARI:** 1-30 — Permintaan Hari Isnin,
**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).
**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 —Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 18 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.
**T/HARI:** 1.30 — Kusampaikan Salam.
**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.
**MALAM:** 7.00—Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 1 (side 2 of 3) |
| 9.00 | Popular Classic: Symphonies (Romantic) Disc-4 (side 1 of 2) |
| 9.30 | Talking About Music — 270/290 |

#### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8 00 | International Money Programme |
| 8.15 | World Theatre: Captain Brassbound's Conversion by Bernard Shaw (side 3 & 4 of 4) |
| 9.30 | Brian Fahey and His Big Band — 3/5. |

#### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Theatre: The Bionic BLOB by James Follet |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 619. |
| 11.30 | Chlidren's Half Hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | 18th Cambridge Folk Festival. "Chas 'n' Dave" — 6/8. |
| 12.45 | My Music — 315/436. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: Puckoon by Spike Milligan — 5/8 |
| 1.30 | Break for music with Malay traditional songs — 35/40. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.00 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 1 side 2B & 3B) |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8 00 | The World of Books |
| 8.30 | Thirty-Minute Theatre: "Goodman and Death Mahoney" by Iain Crichten Smith. |
| 9 00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with ...... (repeat) |

#### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany. |
| 8.30 | Animal, Vegetable or Mineral — 34/46 |
| 9.00 | Strictly Instrumental |
| 9.30 | Top of The Pops — 1031. |

#### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia — 15/26. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date With ...... |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1031 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings |
| 2.45 | Know Your Place: "Health Can Damage Your Smoking" — 6/8 |
| 3.15 | Just for variety |
| 8.00 | Our Views — 15/16 (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 27/60 |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 2 side 1A) |

#### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Canadian Gothic" by Joanna M. Glass |
| 8.45 | The Guitar Greats: Hank B. Marvin (4/14 side 2 of 2) |
| 9.30 | John Fox Presents — 16/18. |

#### Tuesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: Robert Palmer side 1 |

#### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| $.45 | Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei5s AM and Weather Forecast |
| 7.30 | Local News with Tide Times |
| 7.35 | Brunei's AM (continued) |
| 8 30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Friday and Sunday |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Friday |
| 12.30 | News followed by Brunei In and Sunday |
| 12.30 | News followed by Brunei In History, and Weather Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

## TINJU SUKAN DIMINATI, TAPI KURANG DICEBURI

TINJU satu jenis sukan yang diminati tapi kurang diceburi. Sukan yang memerlukan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal semakin berkurangan dipelopori.

Jika adapun hanya menjadi hobi saja ataupun pada memanaskan badan.

Keadaan ini semakin terserlah jika ditinjau dari penyertaan petinju-petinju tempatan dalam kejohanan tinju kebangsaan baru-baru ini.

Hampir keseluruhan peserta yang tampil hanya sekelumit anak tempatan.

Walhal kita bukan kekurangan petinju yang berpotensi tapi adalah kekurangan daya kepercayaan kepada petinju-petinju kita untuk muncul dan mencuba kebolehan masing-masing.

Bimbingan yang baik dan sambutan yang menggalakan kepada petinju-petinju tempatan juga tidak menepati kepada tahap yang sepatutnya.

Petinju-petinju kita juga berkemampuan seperti petinju-petinju luar negeri jika latihan dan kemahuan itu ada pada petinju-petinju tempatan.

"Sememangnyalah masalah ini menjadi perhatian berat kepada Persatuan Tinju Amatur Negara Brunei. Dan ke arah ini pihak persatuan sedang mengkaji dan menjalankan penelitian pada mengembangkan semula sukan tinju ini yang termasuk penyusunan beberapa rancangan," jelas YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman selaku Yang Dipertua persatuan tersebut.

"Dalam hubungan ini persatuan tinju negara Brunei berasa beruntung atas perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan pada mendatangkan khidmat seorang jurulatih profesional."

Adalah difahamkan bahawa jurulatih tersebut didatangkan dari Amerika Syarikat.

Jika sudah ada jurulatih tetap, maka segalanya adalah terserah kepada petinju-petinju untuk menampilkan diri mereka.

Persatuan tinju juga telah berura-ura dengan kedatangan jurulatih itu untuk membuka beberapa 'coaching clinic' di seluruh negara.

Dalam pada itu YDM Pehin juga menyatakan dalam sedikit masa lagi persatuan tinju akan menyusun beberapa perlawanan tempatan.

Menjelaskan tujuan perlawanan-perlawanan tersebut YDM Pehin mengatakan : "Ianya bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat yang berpotensi dalam tinju ini juga pada membuat persediaan yang rapi bagi menghadapi Piala Borneo maupun beberapa kejohanan luar negeri di mana Brunei diundang."

Perlawanan pertama akan berlangsung pada 29 September ini.

Dengan adanya perlawanan-perlawanan tempatan setentunya akan dapat memberikan lebih banyak peluang kepada para petinju untuk menampilkan serta mendedahkan diri mereka di perlawanan tersebut.

Banyak perlawanan tentu banyak pengalaman dan tentunya juga banyak bakat-bakat petinju yang bakal diperolehi. Insya-Allah.

Sedikit masa lagi jelas YDM Pehin Negara Brunei Darussalam akan menghadapi dua kejohanan tinju besar iaitu tinju tiga wilayah dan kejohanan tinju seluruh Asia.

Sementara kejohanan seluruh Asia, Brunei juga telah diundang dan persatuan tinju negara ini berhasrat untuk menghantar petinju-petinju Brunei ke kejohanan tersebut.

Kejohanan yang akan berlangsung di Bangkok dari 2 hingga 11 November itu adalah anjuran Persatuan Tinju Amatur Se Asia dan akan juga disertai oleh negara-negara undangan yang termasuk Malaysia, Korea Selatan, Jepun, Pakistan, Indonesia, Singapura, India dan lain-lain.

"Kita hanya akan menghantar petinju-petinju yang berkemampuan. Di kejohanan se Asia ini bakal petinju yang dihadapi bukan calang-calang. Dan kita tidak mahu terjerat. Jika dirasakan petinju kita berkeupayaan untuk melakukan sesuatu yang mencabar tidak ada keraguan untuk mendedahkan mereka bertanding," tegas YDM Pehin.

Sebolehnya tambah YDM Pehin prestasi petinju kita di kejohanan tersebut biarlah menggalakan. Sebab itu penelitian rapi serta latihan yang berterusan akan diberikan.



**PERLAWANAN - perlawanan tinju akan terus disusun dan diadakan bagi membolehkan bakat-bakat baru menceburinya.**

## Sarawak batu penghalang?

SARAWAK mungkin menjadi batu penghalang besar dalam mencapai cita-cita takraw negara untuk merebut Piala Borneo di kejohanan tiga wilayah ini.

Adalah difahamkan, Sarawak yang bakal mempertahankan kejuaraannya mendapat khidmat dua pemain kebangsaan Malaysia.

Tapi apapun jua, sehebat mana pasukan lawan maupun siapa pemain terbilangnya tidak pernah 'merunsingkan' kepada para pemain takraw negara.

Gembar-gembur pasukan-pasukan lawan semacam angin yang berhembus lalu, nyaman saja rasanya bagi mereka.

Skuad pelatih takraw Piala Borneo merasakan tekanan begitu hebat mereka hadapi. Di telinga mereka terasa gegaran teriakan para peminat tempatan sudah mula menggila.

Mereka menyedari bermain di tempat sendiri terasa lebih menyulitkan.

Tapi inilah masanya. Masa yang perlu membuktikan sejauh mana kegarangan kita setakat ini. Pertama merangkul Piala Borneo dan kedua mempamerkan ketinggian tahap permainan takraw negara.

Bermula minggu ini skuad pelatih memasuki latihan intensif setelah hampir sebulan menjalani latihan harian.

Sepanjang itu tidak pernah terdengar keluhan kesakitan, malas dan ponteng berlatih dari para pelatih.

Sepenat dan seletih mereka setelah menjalani latihan masih mampu menguntum senyum, ketawa dan bergurau.

Satu keadaan yang harmoni yang menampakkan keadaan 'suasana berkeluarga' sekarang.

Sepanjang hampir sebulan lebih jurulatih dan para pelatih tidak menghadapi masalah yang berat.

Meskipun menghadapi kesulitan gelanggang bermain umpamanya mereka terus menjalankan latihan fitness secara berlari, latihan menyepak, bertahan dan taktik permainan.

Penyakit yang paling ditakuti oleh pegawai dan jurulatih ialah kecederaan pemain. Setakat ini masalah itu tidak menghinggapi skuad takraw negara. Jika ini berlanjutan adalah satu pertanda baik dalam meningkatkan kecergasan pasukan dan dalam meniti dengan licinnya perjalanan ke kejohanan tiga wilayah ini.



**DEDIKASI, tekun dan berminat adalah sifat yang sering ditunjukkan oleh skuad pelatih negara dalam menjalani latihan harian mereka.**

## Pasukan Letrik juara lagi

UNTUK kali keempat Badan Kebajikan dan Sukan Letrik meraih kejuaraan di kejohanan sepak takraw PG-GMB bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Kejohanan kali ke-23 itu telah diambil bahagian oleh 24 buah pasukan seluruh negara dan yang terbanyak pernah menyertai.

Selama menjadi juara selama itulah tekanan berat akan dirasakan. Dan sepanjang itulah juga setiap pasukan ingin menumbangkan sang juara.

Ini yang terjadi kepada pasukan Letrik. Selama menjuarainya, setiap kali mempertahankan mahkota mereka selagi itu terasa hebatnya.

Sungguhpun muncul sebagai johan tapi untuk mengambil mahkota itu sekali ini terasa 'liat dan keras'.

Berhempas pulas. Bermati-matian.

Letrik selaku sang juara menemui lawan hebat, PAPP. Buktinya permainan terpaksa berlangsung ke set ketiga, set penentu.

Set pertama Letrik mendahuluinya dengan 15-11. Dalam set kedua terasa sengit dan hebatnya bilamana mata bertentangan 13-13 untuk membuat 'duce' dan PAPP menamatkan set ini dengan kiraan 18-14.

Dengan menurunkan tiga pemain handalannya. Said Bakar, Laji Hj. Ibrahim dan Rahim Omar, Letrik terpaksa meluahkan semua yang ada bagi membendung kemaraan PAPP meraih kejuaraan.

Di set penentu ini PAPP yang menurunkan Zainal, Zaini dan Ahmad Yassin terpaksa mengaku kalah dengan mata 15-11.



**CEBURILAH KERJAYA MENCABAR LAGI MULIA DENGAN MEMASUKI**

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek dalam Angkatan Tentera Laut dan Udara**




UNTUK terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris, kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

c. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 14 Januari, 1985.

d. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

**Awang-Awang ingin menceburkan diri dalam bidang keahlian pimpinan dalam kerjaya sebagai Pegawai Bertauliah Tetap**





**Di dalam bidang keahlian jurusan Tentera Darat, seperti Kejuruteraan, Logistik, Skuadron Kereta Perisai, Skuadron Jurutera Pengempur, Bateri Pertahanan Udara.**



BORANG-BORANG PERMOHONAN SERTA PENERANGAN LANJUT BOLEH DIDAPATI DARIPADA :

PEJABAT PENGAMBILAN ABDB
PUSAT LATIHAN
PERKHEMAHAN BOLKIAH
BANDAR SERI BEGAWAN
TELEFON : 30531 SAMB. 111/112

BORANG PERMOHONAN AWANG-AWANG MESTILAH DIHANTAR TIDAK LEWAT DARI HARI KHAMIS 4 OKTOBER, 1984.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada colan-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN

**Tanggagaji :** C. 2-3 EB. 4 — $1450-$2620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan hingga ka peringkat Sijil Tertinggi TEC dalam Elektronik/Kejuruteraan Perhubungan atau yang sebanding.

ATAU

Calon-calon dengan dua tahun pengalaman dalam kejuruteraan penyiaran dan mempunyai kelayakan seperti TEC peringkat III, City and Guilds dalam bidang telekom (T3) atau telah menamatkan City and Guilds 824, mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan merawat radio, TV dan elektronik juga boleh dipertimbangkan.

ATAU

Calon-calon yang tidak mempunyai mana-mana kelayakan akademik seperti yang disebutkan tetapi mempunyai pengalaman minima selama 3 tahun dalam jawatan Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau yang sebanding dan boleh memperlihatkan kemajuan dalam pengkajian-pengkajian di peringkat atau melebihi tahun kedua kursus-kursus juruterknik City and Guilds juga boleh dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Penolong Juruteknik Pemeliharaan adalah merupakan salah seorang anggota satu pasukan yang bertanggungjawab kepada Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan bagi membantu tugas-tugas yang terlibat dalam penyediaan dan rawatan alat kelengkapan di salah sebuah kawasan yang khas di Radio atau Televisyen.

2. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN RENDAH

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dalam mata pelajaran Sains atau Ilmu Hisab atau telah lulus kursus City and Guilds 824 dalam rawatan Radio dan TV (tahun kedua) atau Kursus Juruteknik Telekom City and Guilds (tahun kedua). Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman praktikal yang diperolehi semasa penempatan vokesyenal.

ATAU

Calon-calon yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama setahun dalam jawatan Pelatih Teknik dan telah memperlihatkan kemajuan yang baik dalam salah satu dari kursus-kursus teknikal yang disebutkan di atas (melimpasi tahun pertama) juga boleh dipertimbangkan.

3. PENOLONG OPERESEN KANAN

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga tahun sebagai Penolong Operesen atau yang sebanding dengan menjalankan kerja-kerja khusus dalam satu cawangan Radio atau studio televisyen atau pengendalian kemudahan-kemudahan. Lulus Bahagian I atau II Kursus Teknik Penyiaran SBC atau yang sebanding dengannya adalah merupakan satu keistimewaan, tetapi lain-lain pengkajian teknik boleh dipertimbangkan sebagai bersesuaian.

Calon-calon hendaklah berkemampuan memperlihatkan sifat-sifat kepimpinan serta juga dapat membuktikan kemampuan melaksanakan tugas-tugas dengan cekap yang diperolehi melalui pengalaman.

**Tugas-tugas :**

Penolong Operesen Kanan biasanya akan bertanggungjawab kepada Jurutera, Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Pengurus Teknik Studio bagi pengawasan kakitangan krew pengendalian. Selaku anggota krew yang paling berpengalaman, Penolong Operesen Kanan biasanya menjalankan tugas-tugas yang lebih rumit serta memelihara disiplin dan taraf kerja.

Beberapa contoh tugas-tugas : —

Studio-Studio TV : Jurukamera Kanan
Telecine/VTR : Ketua Kumpulan
Studio-Studio TV : Pengawas Suara
MCR Radio; Ketua Shift, dan lain-lain.

4. PENOLONG OPERESEN

**Tanggagaji :** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama tiga tahun di dalam satu-satu bahagian pengendalian Radio atau Televisyen. Sekurang-kurangnya setahun dari pengalaman tersebut berkhidmat sebagai Penolong Operesen Rendah. Bagi pertimbangan, calon-calon mestilah mampu memperlihatkan kebolehan melaksanakan tugas dengan sendiri dan boleh dipercayai dan hendaklah boleh memperlihatkan pengetahuan tentang kepentingan-kepentingan teknikal bahagian pengendalian mereka.

**Tugas-tugas :**

Penolong-Penolong Operesen pada umumnya adalah bertanggungjawab kepada Penolong Operesen Kanan bagi pengendalian alat kelengkapan di studio-studio Radio, TV atau lain-lain tempat kemudahan yang berkaitan. Penolong Operesen kerapkali ditugaskan menjaga satu-satu kelengkapan dan pengendaliannya dan oleh yang demikian mempunyai tugas yang agak besar secara tersendiri semasa latihan, rakaman dan siaran.

Contohnya : —

Camera Operator;
Sound Assistant;
Videotape Operator;
Telecine Operator;
Boom Operator;
dan lain-lain.

5. PELATIH TEKNIK

**Tanggagaji** D.1 EB.2 — $530-$820 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan satu atau lebih GCE pada peringkat 'O'. Lulus mata-mata pelajaran sains dan/atau Ilmu Hisab adalah merupakan satu kelebihan. Calon-calon yang memperolehi pengalaman yang bersesuaian dari perkhidmatan bergaji hari atau penempatan-penempatan sambil-belajar di RTB, dan telah menjalani latihan asas akan juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Tugas-tugas Pelatih Teknik adalah bergantung ke atas bahagian mana dia ditempatkan. Pemilihan tempat bertugas akan dibuat di dalam pejabat dan adalah berasaskan minat dan kelulusan akademik Pelatih. Tanggungjawab utama Pelatih teknik ialah untuk mempelajari kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan yang lebih berpengalaman dan akan ditentukan oleh Ketua Bahagian dengan kerjasama Jurutera Latihan yang akan mengawasi kemajuan seorang Pelatih di keseluruhan masa percubaan.

6. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan penuh Sijil Teknologi dalam bidang Telekom atau kelulusan yang sebanding dalam Electronic dan Kejuruteraan Electrical dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan atau jawatan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 6 tahun dalam jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan atau yang sebanding dengannya dan boleh menunjukkan yang mereka cukup cekap dan berpengetahuan dalam satu-satu bidang kejuruteraan penyiaran juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Juruteknik Pemeliharaan biasanya bertanggungjawab kepada Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Jurutera, selalunya bekerja secara perseorangan untuk kerja pemeliharaan, membaiki kerosakan-kerosakan bermacam-macam alat-alat kelengkapan Teknikal tertakluk kepada kawasan bidang pengkhususan mereka ditempatkan. Dalam setengah kawasan Juruteknik Pemeliharaan mungkin menjalankan tugas-tugas Ketua Shift atau Pengawas yang paling kanan bagi kakitangan Teknikal yang bertugas.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 Oktober 1984.

Bilangan iklan : 158/1984 (E/950/74)

## TELECOMMUNATIONS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TENDER NOTICE

1 TENDERS are invited for the supply, Supervision of Installation and Installation Testing of Point-To-Point Radio Communications Links.

2 Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 8th October 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE SUPPLY, SUPERVISION OF INSTALLATION AND INSTALLATION TESTING OF POINT-TO-POINT RADIO COMMUNICATIONS LINKS FOR JABATAN TELEKOM.

Tender Ref: JTB/RT/2/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

4 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $2,000.00.

5 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1 TENDERS are invited for the Supply of Mobile Radio Test Equipments.

2 Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 15th October, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE SUPPLY OF MOBILE RADIO TEST EQUIPMENTS FOR JABATAN TELEKOM.

Tender Ref: JTB/RT/4/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

4 Detailed tender documents can be purchased from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam for $200.00.

5 A deposit of $1000.00 shall be paid to the above office in order to submit a tender. This deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers but forfeited from any tenderers who fail to submit a valid tender.

6 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. : PPL/132/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Oktober, 1984 bagi kerja-kerja berikut : —

TAWARAN BAGI PENANAMAN KABEL VOLTAN TINGGI DI ANTARA 66/11KV SUBSTATION KE BARU S-1 SUBSTATION DI JALAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 1 Oktober, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut..

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $300.00.

**BIL. : PPL/133/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Banguman Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Oktober, 1984 bagi kerja-kerja berikut : —

TAWARAN BAGI PENANAMAN KABEL VOLTAN TINGGI DI ANTARA BATU 4 KE BATU 5, JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 1 Oktober, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut..

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $300.00.

## VACANCY IN THE WELFARE YOUTH AND SPORTS DEPARTMENT

APPLICATIONS are invited to fill in the following appointment : —

**Appointment :**

Malay or English Stenographer/typist

**Qualification :**

i. Typing speed 40 w.p.m.
ii. Shorthand speed 100 w.p.m.
iii. Study up to form five level.

**Other requirements :**

i. Working experience preferable but not essential.
ii. Able to deal with general correspondent.

**Salary :**

Daily paid basis.

Duration of appointment: 6 to 12 months (will be continued if necessary).

All application must be addressed to the Chairman, Pesta Sukan Merdeka, care of Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Old Airport Road, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 22nd September, 1984.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Juruteknik Ukur Kanan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUTEKNIK UKUR KANAN di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji: C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mestilah mempunyai HNC atau TEC Higher Certificate atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian atau berkaitan dengannya seperti Land Surveying.

ATAU

b) Mestilah mempunyai kelulusan OND in Land Surveying atau kelayakan yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman di dalam salah satu bidang kerja yang berikut :—

— Kerja Ukur Tanah.
Kerja Pembuatan Peta.
Kerja Melukis Pelan/Peta Ukur.

c) Mestilah bersedia untuk bertugas di lain-lain tempat atau daerah di dalam Negara Brunei Darussalam.

d) Mestilah bersedia untuk menjalani latihan dalam dan luar negeri.

e) Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di salah sebuah bahagian yang berikut bersesuaian dengan bidang kelulusan dan pengalaman mereka :—

i) Bahagian Luar (Kadastra)
ii) Bahagian Pemetaan
iii) Bahagian Penerangan Ukur
iv) Bahagian Plureka Ukur.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

( Bil iklan : 177/1984 )

( E/1081/75 ).

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BIL. 8/1984

1. Nama projek : RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN: KERJA-KERJA TANAH DAN INFRASTRUKTUR PERINGKAT 7.
2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Kawasan Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam

   mulai hari Rabu 12 September 1984 hingga hari Khamis, 27 September 1984.
3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran : $10,000.00 (Sepuluh Ribu ringgit sahaja).
5. Tarikh tutup : Hari Isnin 1 Oktober 1984, jam 12.00 tengah hari.
6. Syarikat-syarikat tawaran : Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

BIL. 9/1984

1. Nama projek : RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA, KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT: KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT I.
2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Kawasan Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam

   mulai hari Rabu 19 September, 1984 hingga hari Khamis 4 Oktober, 1984.
3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran : $5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja).
5. Tarikh tutup : Hari Isnin 8 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.
6. Syarikat-syarikat tawaran : Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 339 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD414/0139
CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG PERINGKAT A/1, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 340 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD419/1302.
CADANGAN STOR UNTUK STOR NEGARA, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 September, 1984.

Tarikh tutup : 24 September, 1984.

Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 341 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL096
PEMBINAAN SATU (1) BLOK PENTADBIRAN UNTUK SEKOLAH MELAYU KERIAM, JALAN TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 September, 1984.

Tarikh tutup : 17 September, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 342 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD426/1301
CADANGAN KENDERAAN BERMOTOR, PUSAT PENYIMPANAN SENJATA DAN KOMPLEKS JURUTERA GARISON, PENANJONG PERINGKAT 1/B, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Booty Edwards dan Rakan-Rakan, 146 Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 343 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK 84AB/PEL139
SEBUAH BENGKEL TUKANG KAYU UNTUK SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 September, 1984.

Tarikh tutup : 24 September, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

## TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK BRUNEI

**BIL.: PPL/123/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF L.V. STREET LIGHTING FUSE CUTOUTS AND CONNECTOR BOX.

Tarikh tutup : 24 September, 1984.

Cagaran : $300.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/124/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF DECORATIVE LAMPS AND LAMP HOLDERS.

Tarikh tutup : 24 September, 1984.

Cagaran : $300.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/128/1984**

Tajuk kerja : MEMBEKAL SERATUS (100) UNIT-UNIT HAWA DINGIN YANG BERKUASA DUA KUASA KUDA (17,000 BTU/HR KE ATAS SAHAJA) UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 17 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan Pemborong : Pembekal Yang Diiktirafkan.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/125/1984**

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN ELEKTRIK DI LAPAU, DEWAN MAJLIS DAN BANGUNAN CHURCHILL MEMORIAL UNTUK 1985.

Tarikh tutup : 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/126/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK OFIS PADANG J.K.R. BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 17 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C"

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan dari Perkhidmatan-perkhid- yang lanjut bolehlah diperolehi matan Bangunan.

**BIL. : PPL/127/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 3 BLOK PERUMAHAN KELAS 'G' DAN DUA BARIK BLOK BAGI PERUMAHAN PEGAWAI-PEGAWAI BOMBA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran : $200.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A" & "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/129/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN DI ISTANA JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 17 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran : $200.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/130/1984**

Tajuk kerja: MEMBEKAL DAN MEMASANG UPS SYSTEM DI BILIK KOMPUTER TINGKAT ENAM, BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" dan "B" (Elektrik).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/131/1984**

Tajuk kerja : MEMBEKAL 4 BIJI COMPRESSOR DI ISTANA DARUL HANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A", "B" dan "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/137/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF AIRPORT ELECTRICAL ACCESSORIES.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran : $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Pegawai Pinjaman dan Akaun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pegawai Pinjaman dan Akaun di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji :** B. 2 — $2270-$3,760 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak kurang daripada 21 hingga 40 tahun.

b) i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan ijazah atau kelulusan yang sebanding dengannya yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam salah satu bidang pengajian yang berkaitan atau sama dengannya seperti : —

i. Pengurus Perakaunan; (Management Accounting)
ii. Ekonomi;
iii. Perakaunan;
iv. Pentadbiran Awam;
v. Pengurus Perniagaan.

ATAU

ii) Pemegang-pemegang kelulusan Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya dalam bidang Pentadbiran Akaun atau Pengurusan Perniagaan akan dipertimbangkan dengan syarat pemohon-pemohon tersebut mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman berkerja dengan Kerajaan atau firma dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan serta mempunyai laporan prestasi yang memuaskan.

ATAU

c) Permohonan-permohonan yang tidak mempunyai kelayakan seperti di b) i) atau b) ii) di atas tetapi mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya GCE 'A' level (Sijil Penuh) dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun dalam bidang perakaunan, pentadbiran ekonomi, kewangan atau pengurusan perniagaan dan mempunyai laporan prestasi yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan;

ATAU

d) Mestilah terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian III dalam sukatan gaji C3 (Division III) yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya GCE 'A' level (Sijil Penuh) dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang perakaunan atau pentadbiran ekonomi atau pengurusan perniagaan serta mempunyai laporan prestasi yang memuaskan.

e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan yang baik dan bersesuaian serta mempunyai pengalaman di dalam bidang perakaunan atau pentadbiran ekonomi atau pengurusan perniagaan.

f) Pemohon-pemohon hendaklah pandai bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris secara berkesan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

Bilangan iklan : 157/1984 (E/242/84)

## Sebagai Penjaga Malam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJAGA MALAM di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3— $445-$590 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

( Bil iklan : 176/1984 )
( E/3191/83 ).

## SEBAGAI PENOLONG PENGAWAS SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PENGAWAS SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN di Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** C. 2-3 EB. 4 — $1450-$2620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun ke atas;

b) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau TEC Higher Diploma atau Higher National Certificate atau BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang pengajian Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan, Undang-Undang atau Perakaunan;

ATAU

Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas, tetapi mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu GCE 'A' dan tiga GCE 'O' Level dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang insuran dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III atau firma sekurang-kurangnya lima (5) tahun akan juga dipertimbangkan.

c) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

d) Mestilah memiliki keperibadian yang baik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 29 September, 1984.

( Bil iklan : 142/1984 )
( E/243/84 ).

## Sebagai Penolong Pegawai Projek

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI PROJEK di Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** C. 2-3 EB. 4 — $1450-$2620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus Higher National Diploma (HND) in Business Studies atau kelulusan sebanding dengannya dari mana-mana Polytechnic/ Maktab di United Kingdom atau negeri-negeri lain; atau

b) Pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan serta telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam Perkhidmatan Awam. Pemohon-pemohon juga mestilah lulus peperiksaan asas Ilmu Simpan Kira-kira dan Pengurusan Perniagaan (Business Management).

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Oktober, 1984.

Bilangan iklan : 170/1984.
(E/170/84).

## Pemandu Motosangkut

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMANDU MOTOSANGKUT di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tagngagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun.

b) Mestilah Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan selok-belok Sungai Belait.

c) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

d) Mempunyai pengetahuan membaiki kerosakan-kerosakan kecil enjin Motosangkut, merupakan satu kelebihan.

Am :

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas dan bermalam di kampung-kampung pedalaman Ulu Sungai Belait.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 9 Oktober, 1984.

( Bil iklan : 167/1984 )
( E/85/74 ).

## TENDER NOTICE
### PROPOSED BRIDGE AT MILE 6½, JALAN MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on 24th September, 1984 from Registered Contractors Class AX and with suitable building and Civil Engineering work experience for the Construction and completion of "PROPOSED BRIDGE AT MILE 6½ JALAN MUARA".

2. Tender documents can be obtained, during normal office hours, from the office of :

SPECS SDN BHD
10, First Floor,
Mas Panchar Warna Complex,
Mile 1½ Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

on payment of a Tender Deposit of $500.00 for Documents and $100.00 for Drawings in the form of Bank draft in favour of Government of Negara Brunei Darussalam. The tender deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona fide tender and the return of issued Tender Documents and Drawings to the Engineer's office.

3. Before the Tender Documents will be issued, the Tenderers shall also submit the following documents to the Consulting Engineers :

i) Documentary evidence of PWD Registration Status

ii) A Banker's reference letter from a bank established in Negara Brunei Darussalam, on the Tenderer's financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond 10 percent of Contract Value in the event of award of contract.

4. Tender must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PROPOSED BRIDGE AT MILE 6½ JALAN MUARA".

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Tender Notice

TENDER will be received by the Chairman of Tender Board at the Office of Ministry of Finance, Bandar Seri Begawan up to 4.30pm, 17th. September, 1984.

a) Supply of 1 unit light Excavator with the reaching off 7ft. depth, 0.10cu yd., bucket 2,800rpm Engine, out put Diesel Engine, digging power at 3,000lbs. complete with canopy and iron shoes.

b) Supply 1 unit Engine Driven Vibratory roller net weight 700kg.

| | |
|---|---|
| Length | 379cm. |
| Width | 75cm. |
| Height | 122cm. |
| Dieselengine | |
| Engine out put | 2,400rpm. |

2. Detail Specification to be seen at the Ministry of Communication at Civil Aviation Department, Brunei International Airport.

3. The succesful Tender in requested to furnish Machinery with Operating/Maintenance manual and spare parts Catalog.

4. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest price.

## TENDER NOTICE
### PROPOSED BRIDGE AT MILE 9½ JALAN TUTONG

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on 24th September, 1984 from Registered Contractors Class AX and with suitable building and Civil Engineering work experience for the Construction and completion of "PROPOSED BRIDGE AT MILE 9½ JALAN TUTONG".

2. Tender documents can be obtained, during normal office hours, from the office of :

SPECS SDN BHD
10, First Floor,
Mas Panchar Warna Complex,
Mile 1½ Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

on payment of a Tender Deposit of $500.00 for Documents and $100.00 for Drawings in the form of Bank draft in favour of Government of Negara Brunei Darussalam. The tender deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona-fide tender and the return of issued Tender Documents and Drawings to the Engineer's office.

3. Before the Tender Documents will be issued, the Tenderers shall also submit the following documents to the Consulting Engineers :

i) Documentary evidence of PWD Registration Status

ii) A Banker's reference letter from a bank established in Negara Brunei Darussalam, on the Tenderer's financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond 10 percent of Contract Value in the event of award of contract.

4. Tender must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PROPOSED BRIDGE AT MILE 9½ JALAN TUTONG".

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yag berikut di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU/ MEKANIK :

**Tanggagaji** : F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan :**

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas V.
b) Mestilah mempunyai Rekod memandu yang baik.
c) Mestilah mempunyai pengalaman tentang membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

2. ATENDAN KESIHATAN PELABUHAN :

**Tanggagaji** : F.2-3-4-5 EB.6 — $495-$790 bulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
a) Memeriksa Sijil Kesihatan penumpang-penumpang yang datang dan memberikan cungkilan prophylactic apabila dikehendaki.
b) Menjalankan pengawasan kesihatan di beberapa tempat pemeriksaan semasa kejadian penyakit berjangkit di negara-negara jiran.
c) Mestilah bersedia untuk berkhidmat di seberang pelabuhan dalam Negara Brunei Darussalam.

3. TUKANG TEROPONG PERCUBAAN :

**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2-3 — $530-$1125 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

Sekurang-kurangnya 18 tahun tetapi tidak lebih dari 35 tahun.

a) Mestilah mempunyai kesanggupan bertugas di mana-mana daerah di dalam Negara Brunei Darussalam ini.
b) Mestilah bersedia menjalankan lain-lain tugas mencegah Malaria sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah di samping tugas-tugas yang disebutkan di atas.
c) Memeriksa contoh-contoh darah bagi Malaria dan Filariasis dan membuat kerja-kerja makmal yang lain.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 183/1984)
(E/38/78).

## Di Jabatan Pasukan Bomba

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUMESIN TINGKAT KHAS :

**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4 — — $900-$1645 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Memiliki Sijil City and Guilds of London dalam bahagian Internal Combustion engine work dan lulus peperiksaan tersebut dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Internal Combustion Engine atau Vehicle works.
ATAU
b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun sebagai Mekanik Tingkat I dalam sebuah Jabatan Kerajaan.
ATAU
c) Bekas Fitter B.S.P. yang telah berkhidmat dalam bahagian Automotive atau jentera selama tidak kurang 5 tahun.
ATAU
d) Mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dengan sebuah pertubuhan yang menjalankan kerja-kerja membaiki jentera-jentera.

Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja auto electrician dan mempunyai pengalaman dalam mengguna dan membaiki pam-pam, jentera-jentera bomba yang besar selain daripada mempunyai kelayakan-kelayakan yang tersebut di (a) hingga (d) di atas.

2. JURUMESIN TINGKAT I :

**Tanggagaji** : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan :**

Calon-calon mestilah telah mendapat latihan di Sekolah Pertukangan Kerajaan atau B.S.P atau mempunyai pengalaman dalam Auto Engineering di mana-mana Bengkel.

**Tugas-tugas :**

Calo-calon yang berjaya akan dikehendaki, jika perlu, untuk bekerja bila-bila masa selepas waktu bekerja untuk membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

**Pakaian Seragam :**

Pemohon yang berjaya dikehendaki memakai pakaian seragam Pasukan Bomba seperti yang diarahkan oleh Pengawal Pasukan Bomba.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 191/1984)
(E/593/73).

## Sebagai Chef

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai CHEF di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji** : D. 3 EB. 4 5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Telah lulus dari kursus Penyelenggara Permakanan yang bersesuaian dari Pusat Latihan Teknikal Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Mesti mempunyai 2 tahun pengalaman yang berkenaan dari restoran-restoran atau perbadanan permakanan.
c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan seperti di (a) atau (b) di atas, tetapi mempunyai 8 tahun pengalaman sebagai Tukang Masak dan berkebolehan untuk menyediakan masakan-masakan Europah dan Asia akan juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

a) Menyediakan masakan-masakan Melayu, Cina dan Eropah.
b) Menyediakan senarai makanan yang lengkap.
c) Menganggarkan jumlah perbelanjaan untuk sesuatu dan menyediakan anggaran perbelanjaan untuk upacara tertentu serta permakanan harian.
d) Pengiraan stok, pengawalan dan penyeliaan.
e) Berhubung dengan PMC dan Pengurus Mess.
f) Untuk membantu, mengawal dan memberikan latihan kepada kakitangan dapur.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 27 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 188/1984)
(E/1667/84).

## Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untuk dilantik sebagai PENDAKWA MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji** : C. 2 EB. 3 — — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :—
   i) Sijil Pelajaran Ugama, Negara Brunei. Darussalam.
   ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Hendaklah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang hal-ehwal Mahkamah Penyiasatan serta pentadbiran pejabat.
d) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.
e) Calon-calon yanga tidak mempunyai kelayakan yang dinyatakan di (b) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan seperti salah satu daripada yang dinyatakan di bawah bolehlah dipertimbangkan :—
   i) 7 tahun perkhidmatan dan 3 tahun daripadanya dalam jawatan Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama.
   ii) Pegawai-pegawai Polis yang sudah bersara yang berpangkat tidak kurang dari Inspektor dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam Mahkamah dan Penyiasatan dan Pendakwaan di Mahkamah.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober,

(Bil iklan : 179/1984)
(E/886/73).

## Sebagai Pelatih Pembantu Teknik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PELATIH PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji** : D. 1-2 — $530-$820 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu kepujian dalam mata pelajaran Sains yang bersesuaian atau kelulusan-kelulusan yang sebanding;
   ATAU
   ii) Calon-calon yang terdiri dari kakitangan-kakitangan open vote atau bergaji hari yang mempunyai kelulusan seperti di (b) (i) di atas dan mempunyai pengalaman praktikal yang mencukupi dalam bidang-bidang yang bersesuaian.
c) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang sedang atau pernah mengikuti Industrial Training di Jabatan Penerbangan Awam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1984.

(Bil. Iklan: 193/1984).
(E/18/82)

## LEMBAGA BANDARAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan bagi Pajakan Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait untuk tiga tahun (1985, 1986 dan 1987).

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada :—
   Pengerusi Lembaga Tawaran
   Kementerian Kewangan
   Tingkat Empat
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

Sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 17 september, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang bertutup. Maka di muka surat itu tidaklah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti diterangkan di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PAJAKAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN, KUALA BELAIT." Tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Tawaran-tawaran yang berjaya adalah dikehendaki mengadakan makanan halal dan pandai memasak makanan-makanan secara Timor dan Barat.

7. Sebelumnya menghantar tawaran-tawaran, Penawar-penawar adalah dinasihatkan supaya melihat surat perjanjian mengandungi peraturan peraturan atas menjalankan pekerjaan menjaga Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait di Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait pada bila-bila masa bekerja.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited for the supply of Time Division Multiplexer Equipments to the Department of Telecommunications, Negara Brunei Darussalam.

Details of quantities and specifications can be obtained from the Director of Telecommunications, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam against a deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenders on return of the documents and receipt.

Tenders will be recieved by the Chairman of Tenders Board, Ministry of Finance Building, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 1st October, 1984.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR TIME DIVISION MULTIPLEXER EQUIPMENTS TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

---

1 TENDERS are invited for the supply of Computer Bill Form.

2 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $200.00.

3. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board at the 4th floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, up to 12.00 noon on 1st October 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR COMPUTER BILL FORM TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

5. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI TUKANG PELAN KANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG PELAN KANAN di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: C.2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur di antara 22 hingga 45 tahun.

b) Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai kelulusan Higher National Certificate atau TEC/BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang "Draughtsmanship" dari institusi pengajian tinggi yang diakui dan mestilah sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman praktikal dalam bahagian pelan.
ATAU

c) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Diploma dalam bidang "Draughtsmanship" dan mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bahagian pelan sebagai Tukan Pelan sama ada dari Perkhidmatan Kerajaan ataupun Firma-firma tempatan/luar negeri yang diakui dan diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.
ATAU

d) Pemohon-pemohon yang terdiri dari Tukang Pelan yang telah ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman praktikal melukis pelan-pelan Senibina serta tahu membaca pelan bangunan dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 Oktober, 1984.
(Bil. iklan: 173/1984).
(E/1827/76).

## SEBAGAI GURU UGAMA TERLATIH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai GURU UGAMA TERLATIH di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji**: G. 1—$605-$1770 sebulan.

ATAU

G. 2 — $1050-$2165 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Kelas Khas (Takhassus) dari Sekoleh Arab Al-Juned, Singapura atau lulus Darjah Khas Sekolah Ugama Kerajaan Johor atau sebanding dengan salah satu kelulusan tersebut.

c) Hendaklah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun.

Calon-calon yang mempunyai Sijil Am Pelajaran (Peringkat Biasa) dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran akan dipertimbangkan untuk ditempatkan dalam Tangga Gaji G.2.

Syarat-Syarat Tawaran

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darusalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh tutup : 4 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 159/1984)

(E/112/62/9).

## Sebagai Pemandu

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU di Jabatan Bandaran, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 dan 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 174/1984)

(E/434/72).

## Sebagai Pegawai Imigresen

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI IMIGRESEN di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Tingkatan 1V Inggeris.

b) Berumur di antara 18 dan 25 tahun.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permoho n a n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh tutup : 29 September, 1984.

(Bil iklan : 185/1984)

(E/234/72).

## PUSAT LATIHAN TEKNIKAL BRUNEI, JALAN MUARA (KURSUS UNTUK BULAN JANUARI 1985)

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi ikuti kursus yang tersebut di bawah : —

| Jenis Kursus | Kursus Tempoh Masa | Kelayakan Masuk |
|---|---|---|
| Land Surveying Technician | 2 tahun | Telah menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya. |
| TEC Laboratory Science Certificate | 2½ tahun | Telah menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya. |

Keterangan lanjut dan borang-borang permohonan boleh diperolehi daripada Pengetua-Pengetua Pusat Latihan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan Bahagian Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 20 Oktober, 1984.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE — TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of poultry feed to the Department of Agriculture starting from 1st November 1984 to 31st October, 1985 as follows :

A. Quality and Guaranteed analysis

| No. | Kinds of Feeds | Crude Protein (Min. %) | Crude Fat (Min. %) | Crude Fibre (Max. %) | Ash (Max. %) | Ca (Max. %) | P (Max. %) | Moisture (Max. %) | Quantity Required (packed in 50kg bag) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Poultry Starter (Chicks) Mash or crumbles | 20 | 3.5 | 5.0 | 8.0 | 1.5 | 1.2 | 13.0 | 150 bags upwards |
| 2. | Poultry Grower (pellets) | 16 | 3.0 | 5.0 | 10 | 1.5 | 1.2 | 13.0 | 800 bags upwards |
| 3. | Poultry Layer (complete) — pellets or mash | 16 | 3.5 | 6 | 14 | 3.5 | 1.5 | 13.0 | 2,500 bags upwards |
| 4. | Broiler Starter (chicks) — pellets or mash | 22 | 5 | 5 | 8 | 1.0 | 1.2 | 13.0 | 2,000 bags upwards |
| 5. | Broiler (finisher) — pellets or mash | 20 | 5 | 5 | 8 | 1.0 | 1.2 | 13.0 | 4,000 bags upwards |
| 6. | Poultry Breeder — pellets or mash | 16 | 5 | 6 | 14.0 | 4.0 | 1.5 | 13.0 | 900 bags upwards |

B. **Other Requirements**

Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent as required in the above table. All feeds should be freshly packed in either a polythene bag or jute bag of 50kg wt. Feeds should be of good quality and free from other contaminants.

Tenders must undertake to supply mixed 5 tonnes lots of the above feeds on request and deliver to the Department of Agriculture's SATC, Mentiri, Birau Project, Luahan Project, Tanah Jambu and Jerudong Station or other specified delivery point. They should also give a written undertaking to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own expense. They will be responsible for safe handling of these feeds to the point of delivery.

The duration of the tender will be for one year.

Tenders marked only with "AGRICULTURAL DEPARTMENT POULTRY FEEDS" should be addressed to the Chairman of Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 24th September, 1984. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERJAWATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin bersamaan 22 September, 1984 bagi membekalkan alat perabot yang tersebut di bawah ini untuk Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang :—

i) Bilik Ceramah Pertama Untuk Pegawai-Pegawai Kanan
4 buah corner table
4 buah straight table.

ii) Bilik Ceramah Kedua
4 buah corner table
4 buah straight table

iii) Bilik Ceramah Ketiga
2 buah corner table
5 buah straight table

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identity pemborong. Sampul-sampul surat mestilah ditanda "Tawaran Alat Perabot Bagi Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di alamat yang diberikan di atas.

4. Keterangan-keteran g a n lengkap bolehlah diperolehi dari Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling rendah.

## Gurkha Reserve Unit Tender Notice

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon Monday 1st. October, 1984 for the supply of :—
"COMMODITIES FOR GURKHA CHILDREN SCHOOL FEEDING SCHEME".

2. Tender documents are obtainable from Headquarters, Gurkha Reserve Unit, Sungai Akar Camp, Bandar Seri Begawan.

3. Prices quoted to include delivery to Gurkha Children School Istana Edinburgh, Jalan Berakas on daily basis.

4. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Commodities for Gurkha Children School Feeding Scheme" in the top left hand corner.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 12 September, 1984.





SELEPAS sempurna menunaikan sembahyang sunnat Aidiladha orang ramai telah berkesempatan junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (atas); Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (kanan).

# Kebawah D.Y.M.M. sembahyang raya bersama rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Raya Aidiladha pada tahun ini telah diraikan di negara ini pada hari Khamis, 6 September lepas dengan sembahyang berjemaaah di seluruh masjid dan surau bermula pukul 7.30 pagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di pagi itu telah berkenan berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddin bagi menyertai beratus-ratus rakyat Baginda menunaikan sembahyang berjemaah.

Berangkat sama ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sembahyang berjemaah itu telah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Manakala khutbah pula telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Juned.



YAM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman



YAM Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Mohammed Bey Muntassir



YDM Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Awang Mohd Nawawi

# Tiga dilantik jadi ahli M.M.D.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik tiga orang lagi bagi menganggotai Majlis Mashuarat Diraja sebagai 'Ahli Dilantik'.

Lantikan tersebut dibuat oleh Baginda pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 5(2) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan keluaran 11 Ogos yang lalu.

Mereka yang dilantik itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, Yang Amat Mulia Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Mohammed Bey Muntassir bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Haji Kemaluddin dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Awang Mohd Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd Taha.

Lantikan bagi ketiga-tiga orang ahli baru itu bermula dari 30 Mei, 1984.

# Pameran Goresan Dua

PERSATUAN Pelukis Brunei akan menganjurkan Pameran Goresan Dua bagi kali yang kedua iaitu Pameran Senilukis Moden (Modern Art) pada 7 Oktober depan selama dua minggu. Pameran Goresan Satu telah berjaya diadakan pada 27 Mac 1983 tahun lalu.

Ahli-ahli Persatuan Pelukis Brunei dan pelukis-pelukis tanahair yang berminat menyertai pameran tersebut hendaklah menghantar karya-karya mereka tidak lewat pada tarikh 5 Oktober ini.

Segala keterangan lanjut yang berhubung dengan syarat-syarat dan borang penyertaan bagi pameran tersebut boleh didapati daripada Setiausaha Agung, Awang Nor Ariffin Md Yassin di Jabatan Adat Istiadat Negara atau daripada Penolong Setiausaha Agung, Awang Zainal Haji Md Daud di Jabatan Muzium Brunei.

# TINGKATKAN T-JAWAB KEPIMPINAN

Oleh Ahat Ismail

BERAKAS. — Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Md. Ali bin Haji Daud menyeru, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung supaya meningkatkan tugas serta tanggungjawab kepimpinan yang diamanahkan dengan lebih berkesan selaras dengan kepentingan negara ini.



DATO Paduka Awang Haji Mohd Ali

Beliau berkata, "Penghulu dan ketua kampung bertanggungjawab supaya sentiasa memimpin anak-anak buah kampung mereka di dalam mukim serta kampung masing-masing ke arah usaha meninggikan taraf hidup mereka berlandaskan kehendak peraturan Kerajaan."

Berucap demikian di Majlis Perjumpaannya dengan penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei-Muara pada hari Selasa 4 September lepas di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan seterusnya mengatakan tugas penghulu dan ketua kampung begitu meluas dan ianya diibaratkan sebagai pemimpin di mana tugas-tugas yang dipegang adalah meliputi sehingga kepada kuasa mendenda yang mana tidak terdapat kepada Pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam menjalankan tugas tersebut jelas Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali, penghulu dan ketua kampung tidak perlu merasakan takut mahupun ragu-ragu kerana setiap tugas yang dikendalikan itu adalah dilindungi oleh undang-undang.

Menyentuh mengenai pendatang haram, sebarang orang yang datang ke negara ini serta tinggal di sesebuah mukim atau kampung tanpa kebenaran atau tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah hendaklah diambil perhatian serta melaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib. Beliau seterusnya mengingatkan kepada mereka supaya tidak melindunginya, kerana perbuatan tersebut adalah menyalahi dari segi undang-undang peraturan negara. Sekiranya terdapat kegiatan-kegiatan seperti itu tambahnya, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas.

Juga turut beliau sentuh di Majlis Perjumpaan itu ialah mesyuarat bulanan. Menurutnya, mesyuarat yang diadakan setiap bulan itu hanyalah dihadiri oleh sebilangan kecil penghulu dan ketua kampung yang mana melalui mesyuarat tersebut jelasnya adalah memberikan peluang bagi setiap penghulu dan ketua kampung membincangkan berbagai isu dan lain-lain masalah yang berbangkit selain daripada mendengar pesanan mahupun kenyataan Pegawai Daerah untuk disampaikan kepada anak-anak buah.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serud-din dalam ucapan alu-aluannya telah menyatakan penghulu dan ketua kampung supaya sentiasa tidak lalai atau leka ke arah usaha merapatkan perhubungan antara penduduk-penduduk masing-masing dalam mengeratkan tali silaturahim, permuafakatan dan perpaduan demi menjamin keharmonian bermasyarakat dan berkampung.

Katanya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah melaksanakan berbagai projek pembangunan seperti membina jalan-jalan kecil ke sawah padi, jalan perkampungan, dewan raya, pasar serta parit dan taliair bagi kemudahan petani. Sementara di kawasan Kampung Ayer pula dibina jambatan-jambatan penghubung, jeti turun naik yang mana kesemua itu bertujuan bagi kemudahan rakyat dan penduduk negara ini.

Lebih dari hampir 80 orang penghulu dan ketua-ketua kampung telah menghadiri perjumpaan rasmi yang pertama itu, dan perjumpaan yang sama juga dijangka akan diadakan di daerah-daerah lain.

# Penuntut SMBS Lawat Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sekali lagi menerima kunjungan dari seramai 29 orang penuntut-penuntut berserta guru-guru Sekolah Menengah Bendahara Sakam Bunut pada Rabu lepas.

Ketua Unit Sivik dan Kemasyarakatan Haji Junaidi bin OKSN Haji Safar, mengalu-alukan lawatan tersebut dengan memberikan sedikit ucapan dan diikuti pula dengan penerangan ringkas mengenai susunan pentadbiran dan tugas-tugas Jabatan Penerangan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Yusof Ladi bertempat di bilik taklimat di sini.

Pelawat-pelawat ini juga berkesempatan beramah mesra dan bersoal jawab berkenaan dengan tugas dan peranan jabatan ini dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berserta dengan beberapa orang pegawai di beberapa bahagian unit di Jabatan Penerangan.

# Ikuti kursus penempatan di Arkib Negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Masri bin Haji Sapar kini berada di Semenanjung Malaysia untuk mengikuti satu latihan penempatan di Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur selama lebih kurang satu bulan.

Pemergian beliau adalah di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.